

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

“NEGARA yang berpaksaan amal soleh, tidak syak lagi, tidak akan wujud di dalamnya orang minum arak, orang mencuri, orang melakukan rasuah, orang menghisap dadah, orang berjudi dan seumpamanya.”

- Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNIA Masjid Quba yang dibina atas dasar takwa sejak hari pertama dibina, adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya.”
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 108.

TAHUN 60 / BILANGAN 55

9 MEI 2015 / 1436 رجب 20

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat ke Majlis Istiadat Pertabalan Sultan Perak Ke-35



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari bersama Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bersempena Istiadat Pertabalan sebagai Sultan Perak Ke-35, berlangsung dengan Istiadat Tabal Adat di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (Lihat muka 12 dan 13).



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri United Kingdom, The Rt. Hon David Cameron MP, berikutan dengan kemenangan Parti Conservative di dalam Pilihanraya Umum United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri.

NBD-UK nikmati persahabatan erat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana

Menteri United Kingdom, The Rt. Hon David Cameron MP, berikutan dengan kemenangan Parti Conservative di dalam Pilihanraya Umum United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri baru-baru ini.

Ke muka 24

Raja hebat tawaduk hormati ulama

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
dari Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Rabu, 6 Mei. - Raja, lagi hebat, lagi besar akan bertambah tawaduk menghargai ulama bahkan siapa saja mahu tampil memberikan pandangan, nasihat asalkan semata-mata ikhlas kerana Allah dan bermotifkan akhirat.

Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menegaskan demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk

'Keunggulan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz Rahimahullah Sebagai Tokoh Yang Dihormati', di Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Haji Umar Abdul Aziz yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA, Johor Bahru, di sini sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Ke muka 24



Muka 3

MENGENANG ulama yang berjasa



Muka 5

AIN@KUPU SB menjana maklumat pendidikan Islam

Jalankan khidmat dengan penuh yakin dan profesional

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH saya mengucapkan syukur di atas limpah izin-Nya jua untuk kesekian kali saya berkesempatan hadir dalam acara ini.

Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP). Semoga ingatan baik menyertakan saya dalam acara tahunan ini akan juga menjadi ristaan baik di kemudian hari.

JBP mencapai usia ke-55 tahun. Perbarisan hari ini adalah sempena usianya itu.

Maka dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Ulang Tahun Ke-55, dengan iringan doa semoga awda sekalian sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, terhindar daripada kesan segala bahaya tugas yang dijalankan, sentiasa pula dalam sihat dan sejahtera, bersama rakan-rakan setugas, dan lebih-lebih lagi bersama ahli keluarga dan sanak saudara.

Dalam suasana majlis dan acara sambutan ini saya percaya setiap jajaran dalam perkhidmatan bomba dan penyelamat tentu merasa syukur dan bangga.

Awda bersyukur kerana dapat memberikan khidmat bakti kepada kerajaan dan orang ramai dalam bidang keselamatan awam.

Dan awda juga dapat berbangga dengan khidmat masing-masing. Pasukan awda ini adalah pasukan yang mendapat kepercayaan orang ramai. Jasanya sangat ketara, dapat dilihat dan dirasakan. Tidak sahaja sebagai pemadam kebakaran bahkan adalah penyelamat jiwa dan harta benda.

Oleh kerana itulah dalam waktu-waktu kecemasan orang ramai segera teringatkan bomba dan penyelamat. Mereka tidak sahaja menaruh kepercayaan kepada kebolehan dan kecakapan anggota-anggota bomba dan penyelamat bahkan mereka menghargakan khidmat bakti pasukan pertahanan awam ini. Kerana itulah semasa Pasukan Bomba dan Penyelamat beroperasi merespons panggilan kecemasan, orang ramai tidak teragak-agak bekerjasama memberikan bantuan dan sokongan tenaga kepada anggota-anggota yang bertugas.

Sementara itu, pihak kerajaan pula dari semasa ke semasa memberikan peruntukan belanjawan yang dalam jumlah yang munasabah kepada JBP bagi melengkapkan keperluan-keperluannya, sambil memastikan keselamatan dan kesejahteraan anggota-anggotanya seperti memberikan perlindungan Skim Takaful. Dan sejak tahun lepas kementerian telah bersetuju menaikkan kadar elaun menyelam selaras dengan kadar yang diterima oleh anggota angkatan bersenjata.

Dalam waktu yang sama, awda tentu berharap kementerian akan meneliti pula kesesuaian pemberian elaun khas insentif bagi kepakaran Hazmat (bahan berbahaya) dan skuad khas.

Namun sebelum hal itu menjadi kenyataan, saya berharap JBP akan terus meningkatkan mutu perkhidmatannya.

Misalnya mengeni *respon time* 10 minit ke bawah bagi sesuatu panggilan kecemasan yang ditetapkan dalam KPI. Jabatan sendiri mendapati *respon time* berkenaan telah mencapai 74% namun ia dapat ditingkatkan lagi ke 85% dalam jangka masa pendek dan 90% dalam jangka masa sederhana berbanding dengan *respon time* di kebanyakan negara terutama negara-negara maju.

Dari segi latihan dan peningkatan kapasiti anggota-anggota dan pegawai-pegawai pula, latihan-latihan yang diikuti sama ada menerusi program latihan khusus yang diadakan dalam negeri mahupun menyertai rakan-rakan mereka di luar negara, hendaklah dimanfaatkan semaksimal mungkin.

Dengan cara itu awda akan dapat menjalankan khidmat dengan penuh yakin dan berani secara profesional.

Seperti halnya pada musim kemarau atau cuaca kering sekarang ini, sebahagian daripada awda menjalankan operasi memadam dan mengawal kebakaran hutan dan tanah gambut di beberapa kawasan yang terjejas. Statistik mencatatkan ada sebanyak 269 panggilan diterima dan telah direspons dalam tiga bulan pertama tahun ini.

Saya merasa bersimpati kepada sekalian yang bertugas dalam operasi yang sedang berjalan pada musim cuaca kering sekarang atas jerih payah yang ditempuh, khususnya dalam menangani kebakaran tanah gambut di beberapa kawasan di Seria dan Belait sejak 23 Mac lepas hingga sekarang sudah lebih dari sebulan.

Orang ramai pula hendaknya turut memahami dengan faham dan sangkaan baik bahawa tugas memadam api kebakaran tanah gambut tidaklah sama seperti memadam api kebakaran hutan biasa yang juga rumit tetapi sangat berlainan daripada hutan bertanah gambut yang bara apinya di bawah permukaan tanah.

Bagaimanapun orang ramai tentu mengharapkan anggota-anggota bomba dan penyelamat akan berhasil memadamkan kebakaran tanah gambut yang seolah-olah berpanjangan itu dan mengawalinya daripada merebak ke kawasan-kawasan berdekatan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada banyak pihak yang berkepentingan yang telah turut membantu operasi, termasuk



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Upacara Perbarisan Sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Kali Ke-55 pada 10 Rejab 1436 Hijrah bersamaan 29 April 2015 Masihi di Padang Kawad, Ibu Pejabat Bomba, Negara Brunei Darussalam.

anggota-anggota daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan juga daripada pihak Syarikat Brunei - Shell Petroleum serta British Garison.

Satu perkara yang mustahak diketahui umum ialah mengenai risiko yang diterima oleh anggota-anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat dalam tugas mereka memadam kebakaran.

Satu kajian di Australia oleh University Monash menunjukkan bahawa dari kajian selama tiga tahun kebelakangan (2011-2014) mendapati anggota-anggota bomba adalah 45% lebih tinggi dibandingkan dengan angka penderita kanser di kalangan masyarakat umum. Ini adalah berpunca daripada kekerapan mereka terdedah kepada bahan berbahaya.

Oleh itu, JBP hendaklah sentiasa mengambil kira kepentingan jangka panjang keselamatan dan kesihatan anggota-anggotanya dengan terus-menerus berusaha melengkapkan mereka dengan peralatan keselamatan dan memastikan kelengkapan *fire fighting gear* digunakan menurut tatacara penggunaan mengikut *best practices*.

Demikianlah adanya. Buat mengakhiri ucapan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Mulia Pengarah Bomba dan Penyelamat sambil mendoakan semua lapisan pegawai dan anggota akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersikap positif, mengamalkan cara hidup sihat, menikmati sepenuhnya saat-saat bahagia, aman dan ceria bersama keluarga.

Wabillahi Taufeq Walhidayah. Waassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

9 MEI 2015 BERSAMAAN 1436 رجب 20

SOKONGAN KELUARGA MEMBERI SEMANGAT

INSTITUSI keluarga jika menurut kajian para ahli Sosiologi mengalami perubahan iaitu dari keluarga luas (extended family) kepada keluarga nuklear (nuclear family) dan keluarga ibu atau bapa tunggal kepada keluarga bercampur (blended family). Ini adalah disebabkan perubahan masa dan zaman akibat urbanisasi dan perindustrian.

Namun dengan perubahan-perubahan sedemikian, satu perkara asas dalam berkeluarga yang tetap kekal ialah sifat saling bantu-membantu dan memberi sokongan antara satu dengan lain. Sokongan keluarga dalam apa jua perkara adalah amat penting untuk meneruskan kehidupan seharian. Ia boleh memberi kita semangat dan dengan bantuan serta nasihat ahli keluarga, boleh membantu dalam menentukan hala tuju hidup seseorang individu.

Bak kata pepatah 'Air dicincang tidak akan putus', ini menunjukkan bahawa talian persaudaraan tidak akan terputus walau apa keadaan jua sekali pun. Maka dalam apa senario sekalipun, institusi keluarga memainkan peranan penting.

Sokongan keluarga juga yang patut diberikan kepada bekas-bekas penghuni penjara dalam mereka memulakan kehidupan baru setelah keluar dari penjara.

Baru-baru ini semasa Majlis Perasmian Seminar Pemulihan dan Seliaan Melayu Islam Beraja (MIB) Asas Integrasi Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-61, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh, selaku Ahli Majlis Tertinggi MIB menyatakan, perangkaan dalam masa tiga tahun kebelakangan mencatatkan sebanyak 36 peratus kadar pengulangan semula bekas penjara di negara ini.

Kajian yang dijalankan pada tahun 2010 menunjukkan bahawa bekas penghuni penjara mengulangi kesalahan disebabkan masalah kewangan, tiada pekerjaan dan kurang sokongan serta bantuan keluarga dan masyarakat.

Bekas penghuni penjara selalunya mempunyai harapan yang besar apabila sudah keluar dari penjara. Dengan azam dan semangat yang tinggi untuk memulakan kehidupan baru, keluarga dan masyarakat sepatutnya memberi ruang kepada mereka untuk berdiri semula. Sokongan tersebut akan menjadi sumber kekuatan dan tanpanya boleh menyukarkan proses mereka untuk berubah dan akan mudah terpengaruh dengan elemen-elemen yang tidak sihat menyebabkan mereka untuk mengulangi kesalahan lalu.

Sebagai ahli keluarga, kita sepatutnya memberi mereka peluang dan memberi kepercayaan. Insyaa Allah dengan berbekal kepercayaan yang diberikan, mereka boleh membina kehidupan yang baru. Manakala sebagai ahli komuniti atau masyarakat, kita tidak sepatutnya memandang serong kepada mereka, beri mereka peluang pekerjaan, beri mereka peluang untuk berdikari. Jangan kita terikut-ikut memberi mereka label negatif.

Inisiatif-inisiatif sokongan atau 'support group' seperti kaunseling perlu aktif. Di sini kita boleh memberi mereka bimbingan berbekalkan konsep MIB, memberikan mereka ilmu jati diri secara ilmiah dan juga praktikal.

Mudah-mudahan dengan sokongan keluarga dan masyarakat membekalkan mereka dengan semangat dan keyakinan yang tinggi akan dapat merubah corak kehidupan ke arah yang lebih baik dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zurailah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooraini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani,
Muhammad Hidayatullah bin Zahari

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Rani Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Raman Cusca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN	32°C	25°C
MUARA	32°C	25°C
PEKAN BANGAR	31°C	25°C
PEKAN TUTONG	32°C	24°C
PEKAN SERIA	32°C	25°C
KUALA BELAIT	31°C	25°C
Wahidudom Bissawab		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERKHIDMATAN Telian Cusca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Mengenang ulama yang berjasa

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor
Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan
dari Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Rabu, 6 Mei. - Pameran Tokoh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz merupakan hasil hubungan erat dua raja mukmin ke arah memberi penghargaan kepada seorang tokoh ulama yang berperanan besar dalam memberi sumbangan untuk

perkembangan tarbiah Islam di Negara Brunei Darussalam dan Negeri Johor Darul Ta'zim.

Dengan kerjasama Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama Yayasan Warisan Johor, Pameran Tokoh Ulama Nusantara telah mengadakan pameran berkenaan bagi memberi peluang kepada rakyat Negeri Johor khususnya dan orang ramai

amnya untuk mengenali lebih dekat tokoh berkenaan.

Pameran berlangsung selama lima hari bermula 6 Mei 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA, Johor Bahru, di sini dan kemudian akan berpindah ke Muzium Tokoh Johor selama empat bulan.

Pameran yang berkonsepkan bagi mengetengahkan beberapa elemen reka bentuk masjid negara kedua buah negara, di samping reka bentuk kontempori yang menjurus kepada kesenian Melayu Nusantara telah dirasmikan sempena Seminar Tokoh Antarabangsa Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena Kemahkotaan baginda.

Galeri berkenaan antara lain memperlihatkan potret dua sultan iaitu Sultan Brunei dan Johor menjunjung kasih atas limpah kurnia dua raja memperkenankan pameran tersebut dilaksanakan; Raja berdamping dengan ulama, hubungan istimewa antara Kerajaan Johor Darul Ta'zim dan Negara Brunei Darussalam terjalin sejak Kurun Ke-14, apabila Sultan Brunei pertama memeluk ugama Islam setelah berkahwin dengan Puteri dari Johor dan seterusnya memerintah Negara Brunei Darussalam.

Dalam galeri juga mengandungi Raja Brunei dan Johor mengambil berat pendidikan ugama Islam, tokoh Melayu Nusantara dan Riwayat hidup



DULI Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan singgah di salah sebuah ruang Pameran Seminar Tokoh Antarabangsa.

Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, pendidikan, kerjaya dan sumbangannya, kegiatan intelektual dai ilmunan, anugerah, sumbangan fatwa dan pemikiran tokoh.

Pameran dihasratkan untuk meningkatkan hubungan rapat antara dua kesultanan dan negeri yang sudah terjalin sejak sekian lama di dalam sejarah, selain untuk menyelusuri jiwa keilmuan dan sumbangan / khidmat ummah tokoh berkenaan kepada negara, bangsa dan Islam untuk

diabadikan sebagai inspirasi kepada generasi akan datang.

Legasi Allahyarham kekal sehingga sekarang yang sebahagian besarnya menjadi bahan kajian dan rujukan. Tokoh berkenaan merupakan ulama besar yang diberi pengiktirafan yang tinggi oleh Kerajaan Brunei dengan dikurniakan beberapa gelaran serta penganugerahan tokoh Islam. Allahyarham berkhidmat sehingga akhir hayatnya. Jasa Allahyarham telah diberi penghormatan dengan disemadikan di Makam Diraja Brunei.



PAMERAN Seminar Tokoh Antarabangsa telah menarik perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.



DULI Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bergambar kenangan bersama para penceramah undangan Seminar Tokoh Antarabangsa Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Sumbangan fatwa-fatwa tinggi nilainya

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor
Foto : Ihsan Osman Abu Bakar,
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Rabu, 6 Mei. - Sumbangan Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, khasnya melalui fatwa-fatwanya sangatlah tinggi nilainya, khasnya dalam menangani permasalahan kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara berdasarkan ajaran Islam atas landasan Ahli Sunnah Waljamaah.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd Zain bin Haji Serudin menegaskan, fatwa-fatwa dan tulisan- tulisan serta ceramah-ceramah

Yang Dimuliakan Pehin menjadi sandaran, pegangan, rujukan, dan panduan bagi menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna, khususnya dalam pentadbiran negara dan kehidupan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Pemimpin Berkualiti, Ulama 'Amil dan 'Umarah' di Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz sempena Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, di

Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA Johor, Johor Bahru di sini, Yang Berhormat menegaskan, nama Yang Dimuliakan Pehin terukir indah dalam sejarah Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menyatakan, selama hampir tiga dekad, Allahyarham menjalankan tugasnya sebagai Mufti, telah menabur bakti yang cemerlang sehingga diiktiraf oleh Negara Brunei Darussalam dengan pelbagai anugerah seperti gelaran berciri (Pehin Datu Seri Maharaja), Doktor Kehormat Undang-Undang, Tokoh Ugama, dan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan, Yang Dimuliakan Pehin adalah salah seorang Nekarawan Negara Brunei Darussalam, pemimpin berkualiti, ulama amil dan umara.

Dalam kertas kerja Yang Berhormat menghargai sumbangan Allahyarham Yang dimuliakan Pehin yang tinggi



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin membentangkan kertas kerja di Seminar Tokoh Antarabangsa.

nilainya dan menjadi kenangan sepanjang zaman kepada bertambah eratnya lagi hubungan yang memang

erat antara Negeri Johor Darul Ta'zim dengan Negara Brunei Darussalam khasnya.



ALLAHYARHAM Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz seorang 'tokoh besar' yang sangat dihormati lagi banyak berjasa kepada Islam dan umat, khasnya bagi Negeri Johor Darul Ta'zim dan Negara Brunei Darussalam.

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan
dari Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Rabu, 6 Mei. -Tokoh Antarabangsa Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz seorang 'tokoh besar' yang sangat dihormati lagi banyak berjasa kepada Islam dan umat, khasnya bagi Negeri Johor Darul Ta'zim dan Negara Brunei Darussalam.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan Kertas Perdana bertajuk 'Keunggulan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz Sebagai Tokoh Yang Dihormati'.

Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA Johor, adalah sempena kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia

Sultan Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat berkata, seminar ini sebagai tanda bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan terima kasih di atas jasa-jasa Allahyarham yang banyak kepada Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, tegas Yang Berhormat, selaku tokoh besar, sejarah Yang Dimuliakan, elok pula dikenang-kenang, tokoh itu boleh menjadi penawar, iktibar serta contoh teladan bagi orang lain. Ini, turut dibenarkan oleh Al-'Alamah Dr. Muhammad Az-Zuhaily Rahimahullah, katanya: "Sejarah hidup seorang ulama atau perjalanan hidup yang dipilih oleh seorang ulama adalah penawar dan contoh teladan."

"Kita mengenang Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, mantan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam menerusi seminar ini, kita penuh yakin, ia adalah mampu untuk menjadi penawar, iktibar, teladan, dan sekali

Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz

Tokoh dihormati

gus menjadi sebab, makanya kita semua akan dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin," tegas Yang Berhormat lagi.

Dalam kertas perdananya, Yang Berhormat menegaskan, mengapa Pehin Dato Haji Ismail dikaitkan dengan Brunei Darussalam, kerana sejarahnya yang unik menyambut baik hasrat seorang sultan yang cintakan ulama, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-28.

Menurut Yang Berhormat, atas perkenan dan kemahuan bagindalah, Allahyarham pertama kalinya menjejakkan kaki ke bumi Brunei Darussalam pada akhir tahun 1954 sehingga awal tahun 1955. Kali keduanya pada pada tahun 1962. Kedatangan kali pertamanya ialah sebagai ahli kumpulan peninjau bagi cadangan mendirikan sekolah agama di Brunei. Kumpulan ini diketuai oleh Allahyarham Haji Muhammad Sa'id, bekas ketua pemeriksa sekolah-sekolah agama Kerajaan Johor.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bahawa kedua-dua mereka diberi tugas untuk mengkaji cadangan penubuhan sekolah agama di Brunei dengan mengadakan lawatan ke beberapa buah sekolah aliran Melayu dan Inggeris, dan membuat laporan bertulis. Laporan tersebut antara lain merumuskan, bahawa pelajaran agama di Brunei, yang diadakan secara menumpang-numpang di sekolah Melayu dan Inggeris, adalah tidak mencukupi, kerana masa yang diperuntukkan untuk pelajaran ini cuma setengah jam sahaja seminggu. Tentu saja bersebab daripada laporan yang berterus terang ini, maka pada bulan September 1956, atas perkenan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, maka penubuhan tujuh buah sekolah agama di Brunei pun diperkenankan.

Bertolak dari era penubuhan sekolah-sekolah agama di Brunei inilah, hubungan Allahyarham dengan Brunei mulai terjalin dan semakin rapat. Ditambah lagi kemudiannya dengan kedatangannya untuk kali keduanya pada tahun 1962, selaku pegawai pinjaman daripada Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Brunei

Darussalam. Kedatangan pada kali ini ialah untuk menjawat jawatan Mufti Kerajaan pertama yang julung-julung kali pernah dilantik bagi Brunei Darussalam.

Bermula dari sinilah, tambah Yang Berhormat, Brunei telah memahat sejarah barunya 'memiliki Mufti'. Maka berlakulah apa yang patut berlaku atau berjalanlah apa yang patut berjalan, selaku sebuah negeri yang bermufti. Datanglah apa saja masalah atau kemusykilan, insyaaAllah, mufti sudah ada untuk menjawabnya. Maka terang-benderanglah negeri, bandar dan desa dengan adanya Mufti ini. Semua kegelapan yang berkaitan dengan hukum hakam agama tidak lagi berbangkit, kerana sudah ada Mufti, siapa yang berperanan selaku pelita umat.

Dengan fatwa-fatwanya yang tegas bernas lagi menyedarkan, Allahyarham tidak syak lagi adalah tokoh besar dan unggul yang memiliki keistimewaan-keistimewaan yang mampu dan dapat dikesan melalui pelbagai segi, seperti peribadi, sifat amanah, ilmu yang luas, sikap teguh dan berani dan semangat berkobar-kobar. Allahyarham juga seorang ulama kreatif. Berdasarkan catatan dalam daftar fatwa yang ada di Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dari tahun 1962 sehinggalah akhir hayatnya pada tahun 1993, fatwa yang dihasilkan menjangkau sehingga 1,753 siri.

"Fatwa Allahyarham jarang yang ringkas tetapi lazimnya panjang-panjang. Cara Allahyarham, memberitahu hukum halal atau haram atau makruh atau harus sahaja, tetapi lebih daripada itu disaluti dengan menghiasi fatwa-fatwa dengan nasihat. Umpamanya, apabila berfatwa mengenai makanan halal, Allahyarham tidak hanya menyebut daging babi itu haram, ayam yang tidak disembelih - bangkai, makanan yang mengandungi lemak atau gelatin dari haiwan yang tidak halal - najis, bahkan akan menyulam fatwa-fatwanya dengan nasihat-nasihat yang mampu menyuntik jiwa, seperti makanan yang halal itu boleh memberi kesan kepada kesihatan, akhlak, minda, malah menjamin ketajaman doa selaku senjata, ya doa orang yang makan halal adalah makbul atau mustajab, dan sekali gus mampu untuk

menyelamatkan jasad kita orang-orang Islam daripada dimakan oleh api neraka," tegas Yang Berhormat lagi.

Satu dari ciri keunggulan Allahyarham yang sangat ketara ialah tidak pernah ragu-ragu malah tidak pernah takut-takut untuk menyampaikan nasihat kepada sesiapa saja, nasihat semata-mata kerana Allah, demi untuk menegakkan hukum syarak, apa yang penting baginya hukum Allah adalah tegak dan nasihat sampai, kerana nasihat itu adalah hak Allah, hak Rasul-Nya dan hak sekalian umat Islam.

Yang Berhormat juga menyatakan penghargaan menjunjung kasih ke hadapan majlis Raja Johor Darul Takzim yang telah bermurah hati meminjamkan tokoh ini kepada Brunei untuk menjadi Mufti Pertamanya dengan berdo'a, semoga Allah mencurahkan rahmat-Nya ke atas roh Al-Marhum raja berkenaan dan sekalian pancir keturunan baginda. Adalah budi bicara dan inisiatif raja-raja Brunei dan Johor dalam proses peminjaman ini, menjadi bukti, betapa raja-raja kita itu adalah raja-raja yang kuat beragama dan sekali gus menghargai ulama.

"Mereka telah bertindak bijak menjadikan ulama sebagai duta istimewa untuk merapatkan lagi hubungan di antara dua rumpun bangsa yang bersaudara.

Wawasan ini ternyata berjaya, apabila sehingga kini, Brunei Darussalam dan Johor Darul Ta'zim adalah tetap akrab dan bahkan semakin akrab," tegas Yang Berhormat.

Berangkat bagi merasmikan Seminar Tokoh Antarabangsa Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dan seterusnya berkenan menyaksikan Pameran Tokoh berkenaan yang memperlihatkan pelbagai aspek dengan menyelusuri kehidupan Allahyarham dari awal didikan yang telah diberi oleh keluarga pada zaman awal persekolahan hingga ke peringkat universiti dan khidmat bakti semata-mata menegakkan syariat Islam sehingga namanya dikenali sebagai ulama Nusantara.

Penulisan kualiti dakwah Allahyarham sangat tinggi

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan
dari Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Rabu, 7 Mei. - Dakwah dalam penulisan, satu unsur efektif dalam usaha menyebar syariat Islam. Inilah kaedah penyebaran dan pengembangan yang diguna pakai oleh para ulama dalam setiap tulisan yang mereka hasilkan, penulisan inilah dijadikan medan dalam membimbing, mengajar, mendidik manusia ke arah kebaikan, menjawab isu-isu yang dikemukakan dalam memandu manusia ke jalan lurus.

Inilah antara keistimewaan penulisan Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz sebagai tokoh dai'e dan mufti yang dihormati dan telah menghasilkan fatwa bukan hanya

sekadar menjawab isu yang disoalkan bahkan dijadikan ruang untuk membimbing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam kertas kerja bertajuk Dakwah Dalam Penulisan : Keistimewaan Dalam Karya Penulisan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, di Seminar Tokoh Antarabangsa Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, yang diadakan di hari kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa, PERSADA, Johor, menyatakan kejayaan ini



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika menyampaikan kertas kerja.

menghasilkan penulisan berunsur panduan hukum dan pedoman hidup malahan ada yang diwartakan menunjukkan penulisan kualiti dakwah yang tinggi.

Dalam risalah Pengisytiharan Tokoh Ugama tahun 1413 Hijrah yang disebutkan, jelas Yang Berhormat bahawa tulisan-tulisan Allahyarham Pehin itu amat banyak. Satu hal yang dinyatakan dan menarik sekali ialah kesemua enam ratus (600 fatwa) itu berasaskan mazhab Shafi'e dan Ahli Sunnah Waljamaah. Ertinya Allahyarham sangat konsisten dengan pegangannya kepada mazhab Shafi'e dalam perkara fiqah dan aliran Ahli Sunnah Waljamaah dalam perkara aqidah.

Yang Berhormat menyatakan, fatwa dan tulisan-tulisan lain Allahyarham dengan sendirinya mengandungi dakwah dalam erti katanya yang khas, iaitu 'Al-Amru bil Ma'aruf wannahyu 'anil munkar' namun dalam skopnya yang luas, iaitu mengajak, membimbing dan menunjuk ajar orang kepada jalan Allah, mengerjakan perintah (suruhan) meninggalkan larangan dengan memperingatkan secara baik.

Dalam tulisan-tulisan Allahyarham dalam siri fatwanya, jelas Yang Berhormat, merupakan dakwah. Semasa hayatnya, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengambil inisiatif menyiarkan tulisan-tulisan dalam siri fatwa itu disiarkan dalam akhbar Pelita Brunei dengan menyediakan ruangan khas, iaitu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja menulis yang tersiar setiap minggu selama empat belas tahun bermula pada keluaran akhbar rasmi kerajaan itu pada 10 Oktober 1979 hingga 27 Januari 1993.

Selepas Allahyarham meninggal dunia ruangan itu diberi nama baharu Tulisan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Doktor Haji Awang Ismail selama lebih dua tahun (Februari 1993 - Julai 1995). Selepas itu, mulai 2 Ogos 1995 ruangan tersebut dihentikan dan diganti dengan ruangan Irsyad Hukum kelolaan Jabatan Mufti Kerajaan sekarang.

AIN@KUPU SB menjana maklumat pendidikan Islam



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir pada Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam (AIN@KUPU SB) di Dewan Tarbiyyah KUPU SB.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei.- Kumpulan Smart Faraid dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Kumpulan SITC dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor masing-masing dianugerahkan

pingat gangsa pada Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam (AIN@KUPU SB) di Dewan Tarbiyyah, kolej universiti berkenaan. Sementara itu, tidak ada pemenang yang berjaya dianugerahkan pingat emas dan perak dalam anugerah

tersebut.

Para pemenang anugerah masing-masing menerima hadiah wang tunai BND6,000, plak kristal serta sijil.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul

Rahman selaku tetamu kehormat.

Terdahulu Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim menyatakan, anugerah itu merupakan projek perdana yang berterusan untuk meningkatkan kualiti keilmuan guru dan pelajar dalam pendidikan Islam konsep atas talian (*online concept*).

Menurutnya, pengintegrasian teknologi internet sebagai tapak penyebaran ilmu dapat membawa dan mendorong pengguna untuk meningkatkan kemahiran dan penghayatan beragama sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri dan masyarakat serta negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Oleh yang demikian, KUPU SB jelasnya, penuh berkeyakinan dengan wujudnya jaringan laman sesawang seumpama itu yang mana akan dapat menjana maklumat-maklumat pendidikan Islam yang sahih dan tepat.

Tambahnya, ia juga dapat mencipta model pengajaran baru dalam kepelbagaian pendekatan yang kreatif, inovatif dan efektif sesuai dengan kehendak pendidikan abad ini.

Pada majlis itu, diselitkan satu tayangan video klip mengenai AIN@KUPU SB dan diikuti pembentangan hasil inovasi daripada para pemenang anugerah gangsa iaitu dari Kumpulan Smart Faraid, KUPU SB dengan tajuk 'Matapelajaran Faraid' dan 'Matapelajaran Munakahat' dari SITC, UTM.

AIN@KUPU SB merupakan usaha sama Fakulti Pendidikan KUPU SB dan Pusat Multimedia dan Teknologi KUPU SB yang objektifnya untuk menambahkan sumber multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran setiap mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama di Negara Brunei Darussalam khususnya dan di peringkat serantau amnya.

Inisiatif anugerah itu adalah berteraskan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada 15 Julai 2011.

Islam tambat hati Muhammad A'isy Qaiser

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Jumaat, 1 Mei. - Seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), 18698 Sld. Hadi Ashley bin Peranchis memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya.

18698 Sld Hadi Ashley, 26 tahun melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Daerah Tutong dan memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad A'isy Qaiser

bin Abdullah Peranchis.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di kediaman Awang Muhammad Alif bin Mohd. Jamin di Kampung Rambai, Jalan Tasek Merimbun tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai; Timbalan Pemerintah TDDDB, Kolonel Haji Mohd. Haszaimi bin Haji Bolhassan dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Qur'an, Surah Al-Mukminun ayat 1 hingga 11 oleh Awang Haji Rosli bin Haji Batong.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan dengan didahului oleh tetamu kehormat majlis.

Mengikut statistik, ini merupakan majlis pengislaman yang ketiga bagi anggota ABDB dari bulan Januari 2015 yang mana jumlah keseluruhan anggota ABDB yang memeluk agama Islam di Daerah Tutong ialah seramai 53 orang.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menyampaikan cenderamata kepada Awang Muhammad A'isy Qaiser bin Abdullah Peranchis (atas), sementara gambar bawah, antara yang hadir di Majlis Pengislaman tersebut.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan anugerah pingat gangsa kepada Kumpulan Smart Faraid dari KUPU SB dan Kumpulan SITC dari UTM, Skudai Johor pada Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam (AIN@KUPU SB).

HKK erat keharmonian keluarga



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan Daerah Brunei dan Muara Zon 3 di Taman Agro Teknologi, Kampung Tungku.

Oleh : Mohammad Hidayatullah Zahari
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Mei. - Kemuncak Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Ke-4 Tahun 2015 diadakan serentak di seluruh negara di sembilan zon yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sehubungan itu, majlis pelancaran bagi Zon 3 Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Rimba, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Datin Hajah Alimah binti Haji Mohd Taib.

Seperti lazimnya sambutan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Rimba, Awang Haji Ahmad Termizi bin Haji Md. Daud.

Kemudian diserikan dengan Kuliah

Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ali Hassan bin Mohd. Said dan diikuti dengan bacaan doa selamat.

Setelah itu, diteruskan dengan acara walkaton beramai-ramai didahului oleh Yang Berhormat dan Datin yang bermula dari Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Rimba menuju ke Taman Agro Teknologi, Kampung Tungku.

Setibanya di Taman Agro Teknologi, acara diteruskan dengan lagu kebangsaan beramai-ramai.

Seterusnya tetamu kehormat merasmikan Majlis Pelancaran HKK Ke-4 bagi Zon 3 DBM.

Pada acara tersebut pelbagai aktiviti bercorak keagamaan telah diadakan bagi memeriahkan suasana sambutan antaranya persembahan tausyeh daripada penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah, mewarna, tulisan Jawi bagi ibu bapa, khat bagi remaja dan kuiz ugama.

Selain itu, sukan dan acara kekeluargaan juga mengambil tempat seperti ekspedisi berbasikal, pameran kenderaan ATV, pameran pacuan empat roda, tarik kalat dan gerai jualan produk kampung Mukim Gadong 'A' dan 'B'.

Objektif HKK Ke-4 adalah untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi sambutan itu, di samping menggalakkan masyarakat untuk membina keluarga bahagia atau harmoni, kukuh dan berdaya tahan serta menggalakkan ibu bapa meluangkan masa bersama ahli keluarga.

BIIBBF Ke-16 kumpulkan 680 peserta festival



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat majlis.

JERUDONG, Sabtu, 2 Mei. - Festival Antarabangsa Motosikal Berkuaas Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-16 menutup tirainya di Star Lodge Hotel, di sini.

Menteri Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Yang Dipertua Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad melahirkan rasa berbesar hati kerana festival kali ini adalah merupakan satu sejarah yang baru memandangkan bilangan para peserta festival mencecah seramai 680 orang.

Sementara itu, hadiah-hadiah bagi Perlawanan Amal Golf Sempena BIIBBF Ke-16 yang diadakan pagi tadi, bertempat di Royal Brunei Golf and Country Club (RBGCC), Jerudong yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Tetamu kehormat pada majlis itu juga menutup rasmi festival berkenaan dan kemudian menyerahkan bendera BIIBBF kepada negara tuan rumah BIIBBF Ke-17 2017 iaitu Sabah yang diterima oleh Presiden Sabah Big Biker Association (SBBA), Wong Tet Onn.

Majlis diserikan dengan pertukaran momento di antara kelab-kelab motosikal dari seluruh Kepulauan Borneo yang menyertai festival yang disampaikan oleh Yang Dipertua PEMODA dan wakil-wakil dari kelab-kelab yang terlibat.

Negara Brunei Darussalam kali ini menjadi tuan rumah buat kali yang kelima akan menjadi tuan rumah kepada BIIBBF Ke-16.

Festival diadakan selama tiga hari itu bermula dari 1 hingga 3 Mei 2015 disertai oleh para peserta dari dalam dan luar negara termasuk Malaysia, Indonesia, Kemboja, Singapura dan Filipina.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sepanjang festival ini ialah Pameran Darpada Majlis Keselamatan Jalan Raya, Pameran Produk Mukim dan Kampung, 'Green Heart Of Borneo Ride', 16th BIIBBF

'Charity Golf Tournament', 'Road Safety Awareness Programme' dan booth-booth jualan daripada penaja-penaja festival ini.

Di samping itu juga peserta-peserta akan mengunjungi tempat-tempat menarik dan bersejarah di negara ini.

Di antara tempat-tempat yang akan dikunjungi oleh peserta-peserta ialah Jame' 'Asr Hassani Bolkih, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan dan Galeri Kampong Ayer.

Festival yang berprestij ini bukan sahaja mampu mempromosikan Negara Brunei Darussalam malahan ia juga akan mempromosikan Kepulauan Borneo ke peringkat antarabangsa.

Acara adalah anjuran bersama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam dan PEMODA.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Kesyukuran telah dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Jerudong, Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Jakar.

Semai semangat patriotisme para pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Dayang Asmah binti Awang Tengah semasa Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

BELAIT, Selasa, 28 April. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' bagi Sekolah-Sekolah Menengah Seluruh Negara 2015 adalah untuk membariga dan meningkatkan kefahaman serta semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Katanya, program seumpama itu bukan hanya disalurkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah, tetapi juga ke seluruh sekolah-sekolah rendah termasuk ke sekolah-sekolah di kawasan pendalaman di seluruh negara.

Program tersebut menurutnya juga akan menyasarkan ke peringkat mukim dan kampung sebagai usahasama di antara Jabatan Penerangan dan institusi Majlis Perundingan Mukim, Majlis Perundingan Kampung dan lain-lain persatuan.

Awang Mawardi menyatakan perkara tersebut semasa ditemubual pada 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' bagi Sekolah-Sekolah Menengah Seluruh Negara 2015 Daerah Belait, selaku tetamu kehormat majlis di Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, di sini.

Pada program tersebut kira-kira 100 pelajar Tahun 7 dan beberapa guru termasuk pengetua sekolah berkenaan Dayang Asmah binti Awang

Tengah mendengarkan taklimat tatacara menaikkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Eddy Iswandi bin Haji Ismail.

Menurut Awang Eddy Iswandi, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Katanya, martabat bendera adalah lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungannya yang tersendiri yang

perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Sementara menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan menaik-kibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam merupakan antara pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara pula perlu disemai di peringkat generasi muda terutama murid-murid sekolah rendah agar dilatih untuk memiliki semangat patriotik yang mantap dan taat setia yang jitu serta kental yang tidak pernah akan goyah untuk menghadapi apa jua cabaran yang boleh memudaratkan bangsa dan negara.

Program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait itu dihasrat untuk menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Selesai sesi taklimat para guru dan murid-murid sekolah berkenaan berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan dimeriahkan dengan kuiz kenegaraan mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz dan diikuti sesi bergambar ramai.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi menyampaikan cendera kenangan kepada pihak sekolah, Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Dayang Asmah.

Generasi Pendukung Bangsa eratkan perpaduan puak Dusun



PEMANGKU Lembaga Bandaran Tutong, Awang Shahminan bin Haji Tengah diperlihatkan replika rumah tradisional puak Dusun 'Alai Gayoh' yang bererti Rumah Besar.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 1 Mei. - Sambutan Adau Gayoh menandakan permuafakatan dan perpaduan semua penduduk dan secara tidak langsung menzahirkan kehidupan keluarga yang bahagia.

Sehubungan itu, Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD) menganjurkan Sambutan Adau Gayoh 2015, bertempat di Dewan PSJD, Kampung Bukit Udal Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pembukaan Pondok Tamu Muhibah PSJD ialah Pemangku Lembaga Bandaran Tutong, Awang Shahminan bin Haji Tengah.

Acara turut diserikan dengan persembahan pentas dan padang seperti mengamping dan mengisar padi.

Pesta bertemakan 'Tiris Penyulai Banca' (Generasi Pendukung Bangsa) itu bukan sahaja sebagai perayaan selepas musim menuai padi, tetapi menjadi landasan untuk melestarikan budaya, memajukan sosioekonomi dan mengeratkan perpaduan.

Objektif sambutan berkenaan adalah bagi menghidup dan memajukan budaya tradisi puak Dusun, di samping mengeratkan perpaduan penduduk dan rakyat melalui kegiatan budaya dan sukan dalam mengekalkan tahap kesihatan yang baik.

Pesta Adau Gayoh merupakan perayaan tahunan puak Dusun yang mula diperkenalkan di Kampung Batang Mitus dan Kebia pada tahun 1986.



PARA wanita dari puak Dusun membuat anyaman bakul dan kraf tangan tradisional di Tamu Muhibbah Pakatan Sang Jati Dusun untuk dijual.

KPSSU semak semula Akta Perlindungan Hidupan Liar



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim memberi ucapan alu-aluan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Penubuhan Bahagian Hidupan Liar di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) pada bulan Oktober 2012 menunjukkan komitmen dan kesungguhan berterusan pihak kerajaan dalam pengurusan fauna dan flora liar di negara ini.

Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim berkata, menyedari kepentingan pengurusan hidupan liar ini, KPSSU pada masa ini dalam proses menyemak semula Akta Perlindungan Hidupan Liar yang sedia ada dan akan mensejajarkan dengan tanggungjawab mereka dalam forum serantau dan

antarabangsa seperti Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES) dan Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN).

Berucap pada perasmian Mesyuarat Penguatkuasaan Rangkaian Hidupan Liar ASEAN Ke-10 (10th ASEAN-WEN) dan Mesyuarat Kumpulan Pakar ASEAN mengenai Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar Ke-11 (11th AEG-CITES) yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, beliau menambah, aktiviti yang baru dijalankan Bahagian Hidupan Liar pada masa ini ialah penganjuran bengkel pemuliharaan hidupan liar termasuk tenggiling dan penyu laut yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan haiwan-haiwan itu.

Negara Brunei Darussalam tegasnya, mengharamkan penangkapan dan penjualan ikan yu

Menteri Hal Ehwal Ugama terima kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman baru-baru ini menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada dua orang ketua perwakilan luar negara yang baru dilantik ke negara ini.

Majlis berlangsung di Bilik Dhiyafah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat mula-mula menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki.

PYT Madam Noriko Iki pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah di Biro Buruh Tokyo, Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan, Jepun.

Seterusnya Yang Berhormat menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Mr. Cho Won Myung yang pernah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kanan kepada Presiden bagi Hal Ehwal Luar Negeri di Pejabat Presiden, Republik Korea.

Majlis tersebut merupakan usaha ke arah meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara dan merupakan satu wadah untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Juga hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

dan produk-produknya sejak Jun 2012 sebagai langkah untuk memastikan bahawa sumber ikan tersebut di air Brunei Darussalam akan dipelihara untuk generasi akan datang.

Tangkapan ikan yu jelasnya, semakin berkurangan dengan ketara sejak beberapa tahun, yang mana tangkapan adalah kira-kira 40 tan metrik pada tahun 1994 dan menurun kepada 16 tan metrik pada tahun 2011.

Menurutnya lagi, pengharaman itu juga menyokong CITES yang juga termasuk pelbagai spesies ikan yu dan pelbagai spesies lagi yang disenaraikan dalam IUCN sebagai terdedah, terancam dan diancam.

Jelasnya, Menurut Jurnal Polisi

Marin yang menerbitkan laporan pada tahun 2013, dianggarkan 100 juta ikan yu dibunuh setiap tahun, berjuta-juta dibunuh akibat penangkapan berlebihan dan perdagangan, selain itu ada juga yang mati secara tidak sengaja dalam pukat untuk menangkap ikan tuna manakala yang lain ditangkap kerana daging atau hanya untuk sirip mereka.

Mesyuarat empat hari yang bermula hari ini sehingga 8 Mei ini, diharap dapat meningkatkan kerjasama dan menggunakan undang-undang jenayah kolar putih dalam kes penyeludupan kehidupan liar dalam rangka kerja menghormati undang-undang kebangsaan dan antarabangsa.



DELEGASI ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Penguatkuasaan Rangkaian Hidupan Liar ASEAN Ke-10 bergambar ramai bersama Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Hasnah.

Penubuhan Pusat ACMMM dibincangkan



MESYUARAT dua hala antara Pengarah Direktorat Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera Myanmar, Brigedier Jeneral (Prof.) Soe Win dan Ketua Pegawai Perubatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel (Dr.) Mohd. Hafizul bin Mohd. Hassan.

NAY PYI TAW, MYANMAR, Jumaat, 1 Mei. - Persidangan Ketua-Ketua Tentera Perubatan ASEAN (ACMMC) Ke-5 telah diadakan di Hotel Thingaha, Nay Pyi Taw, Myanmar dan dihoskan oleh Perkhidmatan Perubatan Tentera Myanmar dari 27 April hingga 1 Mei 2015.

Tema persidangan tahun ini ialah 'Perkhidmatan Perubatan Tentera: Faedah Kepada Masyarakat'. Delegasi dari Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Ketua Pegawai Perubatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel (Dr.) Mohd. Hafizul bin Mohd. Hassan.

Sebelum persidangan itu, mesyuarat dua hala antara Pengarah Direktorat

Brigedier Jeneral (Prof) Soe Win.

Dalam persidangan utama, beberapa isu telah dibincangkan dalam kalangan Ketua Perubatan Tentera ASEAN. Pertama, penubuhan Pusat ASEAN Perubatan Tentera (ACMM) yang pada mulanya dibentangkan sebagai kertas konsep semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan 9 ASEAN (ADMM) di Langkawi, Malaysia. Penubuhan pasukan bantuan kemanusiaan ASEAN dan reka bentuk logo ACMMC juga beberapa isu yang diketengahkan daripada persidangan itu.

Semasa ACMMC Ke-5, delegasi berpeluang melawat Muzium Perang yang terletak di Zeyathiri Township di

Nay Pyi Taw. Muzium ini telah dibuka secara rasmi pada tahun 2012 sempena Ulang Tahun Ke-67 Angkatan Tentera Myanmar. Ia meliputi kawasan seluas 603,68 ekar dan mempunyai bangunan yang berasingan yang menempatkan koleksi milik tentera darat, tentera laut dan tentera udara.

Para perwakilan juga melawat Hospital No. 2 Perkhidmatan Pertahanan Am, yang mempunyai kapasiti 1,000 buah katil. Lawatan tersebut berakhir dengan lawatan ke Perkhidmatan Pusat Penyelidikan Perubatan Pertahanan yang dibina pada tahun 2008 dan menjadi berfungsi sepenuhnya pada tahun 2012.

Program Saintifik Pegawai Muda Perubatan Tentera ASEAN (YAMMOs) juga diadakan serentak yang mana Mejar Dr. Isehardy Murni membentangkan kertas penyelidikan bertajuk 'Persatuan Obesiti dan Tekanan Darah Tinggi: Satu Kajian Bahagian Rentas Kakitangan Tentera Kanan'. Beberapa lawatan tapak juga diatur untuk perwakilan YAMMO termasuk lawatan ke Pagoda Uppatasanti, Istana Diraja Gajah dan juga Pagoda Satta Sattaha.

Pada akhir persidangan itu, Republik Filipina telah diumumkan sebagai tuan rumah untuk ACMMC Ke-6 pada 2016.



DELEGASI dari Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Ketua Pegawai Perubatan, ABDB, Kolonel (Dr.) Mohd. Hafizul semasa bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Ketua Kakitangan Am (Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara) Angkatan Tentera Myanmar, Hla Htay Win.



PENGARAH Multimedia dan Teknologi, KUPU SB, Dr. Adam bin Haji Jait, selaku Pengerusi AIN dalam Sidang Media Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam (AIN@KUPU SB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 April. - Anugerah AIN@KUPU SB dihasratkan bagi menambahkan sumber pendidikan Islam di laman sesawang (*website*), di samping menggalakkan lagi penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran setiap mata

Anugerah AIN@KUPU SB tambah sumber pendidikan Islam

Oleh : Nur Faizzah Nawang
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama di Negara Brunei Darussalam khasnya dan di peringkat serantau amnya.

Ke arah itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan dengan kerjasama Pusat Multimedia dan Teknologi akan menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam (AIN@KUPU SB).

Anugerah AIN@KUPU SB ini telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ke-2 KUPU SB pada 23 Oktober 2012 yang lalu.

Pengarah Multimedia dan

Teknologi, KUPU SB, Dr. Adam bin Haji Jait, selaku Pengerusi AIN menjelaskan, pertandingan dibukakan secara berkumpulan seramai lima orang iaitu kepada semua guru-guru pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia serta mahasiswa-mahasiswi pengajian tinggi peringkat diploma dan ijazah di universiti-universiti tempatan, universiti-universiti luar negeri yang menjalin hubungan kerjasama dengan KUPU SB dan universiti-universiti jempunan luar negeri.

Proses penghakiman bagi penyertaan inovasi multimedia ini telah bermula pada 16 Oktober 2014 yang lalu dan proses mengambil masa setiap isi kandungan dibaca kasihannya dan diuji segala pautan *link* multimediana dari satu muka surat ke satu muka surat seterusnya.

Beliau seterusnya menyatakan, tema yang dipilih bagi anugerah inovasi ini ialah 'Inovasi dalam Mentransformasikan Pendidikan Islam'.

Kriteria-kriteria penghakiman telah dibuat untuk penilaian dan pemberian

markah, manakala tahap peratus untuk mendapatkan Anugerah AIN@KUPU SB ini adalah bagi Anugerah Emas iaitu 91 peratus ke atas, Anugerah Perak 81 peratus hingga 90 peratus, Anugerah Gangsa pula 71 peratus hingga 80 peratus dan Anugerah Saguhati Terbaik ialah 61 peratus hingga 70 peratus.

Lantikan hakim telah dibuat mengikut bidang yang bersesuaian mengikut kriteria penghakiman, hakim-hakim yang telah dilantik terdiri daripada pakar-pakar IT, pakar dalam isi kandungan pendidikan Islam dan kurikulum mata pelajaran agama yang berkaitan dengan kriteria pemarkahan.

Hadiah anugerah inovasi daripada penyertaan AIN adalah bagi pemenang emas, iaitu wang tunai sebanyak BND10,000, pemenang perak sebanyak BND8,000, pemenang gangsa BND6,000 dan masing-masing pemenang menerima plak kristal dan sijil penyertaan.

Manakala dua kumpulan akan memperolehi saguhati penyertaan terbaik dengan hanya mendapat plak dan sijil penyertaan. Sementara itu, peserta lain hanya akan menerima saguhati iaitu sijil penyertaan sahaja. Untuk Majlis Penerimaan Anugerah

AIN, seramai kira-kira 180 orang jemputan terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Institut Pengajian Tinggi iaitu UBD, UNISSA, ITB, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Politeknik dan juga para peserta daripada luar dan dalam negeri, hakim-hakim dan ahli jawatankuasa.

Isi kandungan projek multimedia yang dibuat itu hendaklah berkaitan dengan pendidikan Islam contohnya, Munakahat, Solat, Tarikh Islam dan Faraid dibuat secara multimedia kemudian dimasukkan ke dalam *website* khusus, iaitu www.ain.kupu-sb.edu.bn.

Pertandingan ini adalah berunsurkan tiga komponen paling penting, iaitu multimedia, isi kandungan pengetahuan pendidikan Islam dan mempunyai kemahiran IT literacy.

Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Multimedia Pendidikan Islam AIN@KUPU SB itu nanti akan berlangsung pada 2 Mei 2015, hari Sabtu, jam 9:00 pagi di Dewan Tarbiyyah, KUPU SB dengan kehadiran tetamu kehormat, iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Dua warga Dusun pilih Islam sebagai pegangan hidup

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Jumaat, 1 Mei. - Dua warga bangsa Dusun memilih agama Islam sebagai agama anutan mereka yang baru setelah memeluk agama suci ini pada Majlis Pengislaman mereka di hadapan Pegawai Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Saudara baru itu terdiri daripada seorang anggota polis PC6173 Rosman bin Pantun bersama kakaknya Rosranizah binti Pantun di rumah kediaman mereka di Kampung Batang Mitus, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Penguasa Kanan, Awang Haji Mohd. Hassan bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad yang juga selaku Pengerusi Badan Ugama Islam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Juga hadir, pegawai PDB, pegawai-pegawai dari PDI KHEU dan keluarga yang diraikan.

PC6173 Rosman, 20, memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Rosman bin Pantun, bertugas sebagai anggota polis sejak tahun 2014 di Balai Polis Kuala Belait.

Beliau merupakan anak bungsu daripada enam adik-beradik.

Sementara itu, kakaknya, Dayang Rosranizah, 28, memilih nama Islamnya sebagai Dayang Husnia Ranizah Zahra binti Pantun.

Beliau bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Lamunin, Tutong dan merupakan anak kelima daripada enam adik-beradik.

Terdahulu sejourus ketibaan tetamu kehormat majlis, Majlis Pengislaman disempurnakan oleh pegawai-pegawai dari PDI, KHEU.

Pada majlis tersebut, penyampaian cenderahati disampaikan oleh tetamu kehormat kepada saudara baru yang diraikan.

Majlis diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.



PC6173 Rosman bin Pantun yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Rosman bin Pantun dan Rosranizah binti Pantun yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Husnia Ranizah Zahra binti Pantun melafazkan ikrar pengislaman di hadapan Pegawai Pusat Da'wah Islamiah.

PDI berusaha lahirkan saudara baru berkualitas

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 April. - Tiga orang saudara baru telah mendapat keputusan cemerlang dalam ujian Skim Bimbingan Lanjutan (1) Saudara-Saudara Baru Siri Ke-90 bagi perempuan yang mengikuti Kursus Skim Bimbingan Asas selama dua minggu anjuran Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Pencapaian cemerlang yang menduduki tempat pertama pada kursus tersebut diraih oleh Dayang Nurul Huda binti Asut @Viviyantie binti Asut, diikuti oleh Dayang Nur Muti'ah Humaira Liyana binti Abdullah Bawang @Hemy Zaleyanna binti Bawang menduduki tempat kedua, sementara tempat ketiga diraih oleh Dayang Nur Fauzana Adriana binti Abdullah Lasut @Nortinah binti Lasut.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil dan cenderamata kepada peserta kursus pada majlis



KETUA Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup kursus skim tersebut.

penutup kursus skim tersebut di Dewan Utama PDI, di sini ialah Ketua Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi.

Kursus selama dua minggu itu disertai oleh 23 peserta.

Dengan adanya skim bimbingan seumpama ini, ia diharap dapat dimanfaatkan oleh saudara-saudara baru dan mengamalkan ilmu yang dipelajari, di samping memberikan mereka peluang menambah pengetahuan agama dari semasa ke semasa dan menjadi seorang saudara baru yang dicontohi oleh saudara baru

yang lain.

Pendedahan melalui kursus bimbingan tersebut juga merupakan salah satu usaha bagi melahirkan saudara baru yang berkualitas yang tidak ketinggalan dan peka kepada ilmu-ilmu pengetahuan yang menjurus ke arah memantapkan akidah mengikut syariat Islam yang ditentukan.

Acara diserikan dengan persembahan nasyid daripada para peserta kursus, di samping tayangan klip video peserta kursus dan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis.

JPI kunjungi dua sekolah agama

TUTONG, Selasa, 28 April. - Serombongan dari Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Tanjung Maya dan Sekolah Ugama Sengkarai di Daerah Tutong bagi sesi pencerapan pengajaran ke atas beberapa orang tenaga pengajar di sekolah-sekolah berkenaan.

Tujuan utama lawatan ialah untuk menilai, memberi panduan, bimbingan (maklum balas) dan sokongan kepada pengajaran guru-guru ke arah 'Amalan Terbaik' dalam penyampaian pengajaran yang berinteraktif and efektif.

Tambahan lagi, ia juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi sesama guru-guru dengan nazir-nazir sekolah khususnya dan pihak sekolah amnya,



SALAH sebuah kelas sekolah agama yang dilawati oleh rombongan kenaziran Jabatan Pengajian Islam (JPI).

di samping menjadikan sesi pencerapan ke atas guru-guru sebagai satu latihan profesional kepada setiap nazir yang terlibat.

Rombongan lawatan diketuai oleh Ketua Bahagian Kenaziran, JPI, Awang

Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily.

Lawatan itu merupakan salah satu aktiviti tahunan Bahagian Kenaziran, JPI, KHEU dengan kerjasama anjuran Kenaziran Daerah Tutong, JPI, KHEU.

PUISI ADI RUMI

KEMBALINYA SAHABATKU FILLAH

Berderai air mata sukma menerima panggilan jam 12 tengah malam daripada anak sahabatku, memberitahu :
“Bapa telah kembali.”
Alahai memangnya memang dari Allah datang dan kepada-Nya jua pasti kembali.

Selamat jalan
Wahai sahabatku fillah, kami titipkan engkau dengan do'a kami titipkan engkau kepada-Nya ya, hanya kepada-Nya jua tidak kepada yang lain-lain adapun yang lain-lain itu cuma simpati dan sedekah saja.

Bagaimanapun, kami tetap mengenangmu, sahabat! Ramah santunmu akhlak pekertimu ihsan budimu tidaklah padam

dari kenangan dan dalam ristaan. Kami mengenalimu bukan baru setahun dua tetapi berpuluh tahun, Dato Sheikh Haji Abdul Ghani yang dahulu itulah juga Dato Sheikh sehingga ke hujung hayat, dengan kebaikan-kebaikannya tidak pernah hakis oleh masa.

Kami merinduimu,sahabat! Disebabkan dua perkara ini : Satu, ihsanmu kepada sesiapa saja terutama kepada orang-orang di bawah... yang datang kepadamu mengadu mereka tidak ada beras... atau tidak ada wang untuk membeli susu anak...atau... atau...

Kedua, engkau selaku bekas pegawai polis, tidak ada orang di bawahmu yang pernah teraniaya malah sampai engkau pencenpun masih lagi dilamar atau ditawarkan

untuk menambal atau menguasai mana-mana yang koyak atau kurang bisai.

Ini semua tidak ramai yang tahu kecuali Allah, keluarga dan sahabatmu fillah, kerana memang jadi tabi'atmu memakai pakaian "lowprofile", ya, tidak mahu menonjol apatah lagi menjaja jasa-jasa yang disumbangkan.

Pastinya Allah suka sifat ini malah sangat suka, ya tidak diragukan lagi, makanya, semogalah segala amal ikhlasmu akan membantumu, sahabat, akan menjadikanmu berbagahagia di akhirat.

ADI RUMI
Grand Hyatt Jakarta.
22 April 2015

PUISI ... PUISI ... PUISI ...

TIBA MASANYA

Mutiara paling indah adalah keluarga Mutiara paling berharga adalah keluarga Hari-hari yang indah lalu bersama Dengan canda tawa ria Suka duka selalu bersama Bahagia rasa apabila disisinya Keluarga hidup kita Aku bangga dengan keluargaku Dengan segala yang ada Kekurangan dan kelebihan Buat aku selalu bangga Kerana saat sedih dan terluka Hanya keluarga yang buat kita bahagia Tiada kasih tanpa cinta Tak ada hari tanpa keluarga Semoga kekal bahagia selalu Untuk keluargaku

AKU ADALAH HAMBA

Allah adalah rajaku Muhammad adalah idolaku Malaikat semua kawanku Ayah dan ibuku Mereka tempat aku mengadu Allah rajaku yang paling bijaksana Muhammad idola yang harus diteladani Malaikat kawan yang terbaik Aku adalah hamba Di mana aku harus patuh Aku harus ikuti Perintah dan peraturan Sang rajaku Allah Ku tempuh hidup dan cabaran Pertolongan dari kawanku malaikat Motivasi dari idolaku Muhammad Bimbingan ayah dan ibuku Serta undang-undang dari rajaku Itu semua memberi semangat Dalam hidupku

DUNIA RAPUH

Kerapuhan dunia mulai nampak Di cerminkan oleh kelakuan manusia sendiri Mabuk-mabukan dan juga dadah Kejahatan di merata tempat Rogol, ragut dan pecah rumah Harga diri sudah tiada lagi Pelik, kalau orang yang berpendidikan Berperangai tak senonoh Macam mana dengan yang tak sekolah Sekolah tinggi bukan jaminan Orang tinggi tak semestinya pintar Orang miskin tak seharusnya bodoh Dunia mauk melihat perangai manusia Bumi pun muntah kerana ulah manusia Gempa, tsunami dan bencana yang lain Itu buktinya, bumi sudah enggan bersahabat Manusia punca segalanya Dunia mengutuk manusia

Allah murka dengan ulah manusia Jangan pernah tanya salah siapa Semua salah manusia

ANAKKU AMANAHKU

Kau percayakan aku Untuk menjaga amanahmu Namun dikernakan Nafsu duniaku Sejenak Ku lalaikan semua itu Bukan berarti Aku tidak mengingatimu Tetapi Itulah hakikat diriku Akhirat ku kejar Begitu pula dengan dunia Ku sentiasa ingat Namamu selalu dihatiku Setiap detik Setiap minit Setiap jam, hari, bulan Bahkan tahun Seumur hidupku Hanya untuk menyebut Asmamu Amanahmu tetap ku jaga Dan ku mohon kepadamu Berikan peranan yang baik Pada amanah yang kau beri Untukku Aku sentiasa akan sayang Kerana anakku adalah amanahmu Terima kasih Tuhan Kerana engkau percaya padaku Dalam menjaga amanahmu

Anne

KEBIMBANGAN

Aku bimbang akan kegagalan Kegagalan telah membawaku Ke dunia penderitaan Dunia yang sepi Tanpa teman disisi Aku bimbang akan hari esok Mungkinkah esaok dapat ku melangkah Setapak dan setapak lagi? Atau aku kaku di sini Aku bimbang pada mereka semua Kerana mereka tidak pernah bimbang Seperti yang aku bimbang Mereka Tidak Pernah Bimbang Pada apa yang mereka lakukan Kebimbangan mengajar kita untuk maju Mengakjar kita untuk tabah Mengajar kita untuk berusaha Jadi bimbanglah sebelum mara

HARGA SEBUAH KEMATIAN

Berapakah harga sebuah kematian Atas dasar keterpaksaan Bagi pahlawan yang menentang kekejaman Di atas padang bernama peperangan Adakah harga pada satu kematian Seandainya ada hak yang dicerobohi Sekiranya ada suara yang merintih Sekiranya ada nafas yang terhenti Di hadapan mata pemerhati Ke mana akan berkuburnya Setiap nyawa yang melayang Tanpa pembelaan daripada mereka Yang bergelar umpama bebayang

TIBA MASANYA

Tiba masanya Kehidupan masa kini Tidak akan menggamit kehidupan masa lalu Menghitungkan getir pengalaman Dan tompokan darah hitam yang terbelenggu Dan jerih nafas yang tercungap-cungap Sebaliknya kehidupan masa kini Menyulam nafas menghempas ganas Dalam tingkah kematian Yang tidak pernah menjanjikan kehadiran Dan bila tiba masanya Mencantas rumput-rumput Dan ranting-ranting yang membangkitkan Kesuburan duniawi Maka darah pun beku dalam perasaan Dan roh semakin pucat Tiba masanya... Kita menghadap yang Berkuasa Dengan tangan dan dada terbuka

AKUKAH ITU

Akukah itu... Yang gentar apabila memikirkan masa depan Gerun apabila mengenangkan onak duri Kehidupan Akukah itu... Yang tunduk pada setiap kehendak insan lain Sedang memberontak menidakkan Setiap kemahuan mereka Akukah itu... Yang terpaksa menghalalkan yang haram Lantaran kedayusan suara untuk membantah Akukah itu... Yang akhirnya tertunduk menangkis meratap Atas kebodohan dan ketidakberanian diri Sedang dulu akulah yang dikagumi Atas kelancangan mulut bersuara Dalam menegakkan keadilan dan kebenaran Aku juga bisa mendabik dada Atas kemampuan diri Mengatur masa depan Yang bakal ditempuhi

Hanirah

'Kelebihan membina masjid'

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Masjid ialah tempat yang mulia lagi dimuliakan. Peranan masjid dalam kehidupan orang Islam itu sangat penting dan berhubung rapat dengan unsur ketaqwaan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah ayat 108 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya masjid Quba yang dibina atas dasar taqwa sejak hari pertama dibina, adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadits :

Maksudnya : "Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : tempat yang paling disukai Allah di dalam sesuatu negeri itu ialah masjid-masjidnya." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Memandangkan masjid adalah tempat yang paling dicintai dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka orang-orang Islam disuruh memberi perhatian yang serius terhadap pemeliharaan dan pentakmiran masjid dengan berbagai aktiviti keilmuan dan lain-lain yang berfaedah dan bermanfaat kepada masyarakat.

Namun yang lebih besar ganjarannya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan masjid itu ialah membina masjid itu sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda mengenai keutamaan dan kelebihan membina masjid ini :

Maksudnya : "Dari Mahmud bin Labid, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : sesiapa yang membina masjid kerana Allah nescaya Allah akan membina baginya di dalam

syurga (binaan) seumpamanya."

Adapun masjid yang dibina tidaklah mengira apa jua bentuk binaannya sama ada besar atau kecil semuanya akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Telah disebutkan oleh Al-'Allamah Nuruddin Ali Al-Ajhuri di dalam kitab beliau *Fadhl Insya' Al-Masajid wa Imaratiha*, hadits Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Bahawa masjid-masjid dunia itu akan dibawa ke dalam syurga, pengelola-pengelola dan penjaga-penjaga masjid-masjid, bilal-bilalnya dan imam-imamnya berarak menarik masjid-masjid itu dan ahli jemaah masjid-masjid itu mengiringkan perarakan itu. Ketika itu ada orang bertanya : siapa itu? malaikat-malaikat atau nabi-nabi kah?" Kemudian diberitahu bahawa itu bukanlah malaikat-malaikat dan bukan juga nabi-nabi, hanya pengusaha-pengusaha masjid-masjid dan orang-orang yang sembahyang di dalam masjid itu".

Begitulah ganjaran serta balasan yang diperolehi oleh mereka yang menyahut seruan Allah Subhanahu Wata'ala.

Memang tidak dinafikan, perbelanjaan untuk membina masjid itu bukannya mudah dan tidak semua yang berkemampuan. Akan tetapi bagi yang tidak berkemampuan untuk membina sebuah masjid, masih berpeluang meraih kelebihan dan mendapat ganjaran pahala membina masjid, iaitu dengan menghulurkan derma kepada tabung-tabung pembinaan masjid. Dengan sumbangan derma tersebut, walaupun sedikit insyaaAllah kita juga mendapat kelebihan dan ganjaran pahala yang dijanjikan.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini merasa amat bersyukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan Penubuhan Tabung Dana Pembinaan Masjid di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah

memperkenankan penubuhan tabung tersebut semasa berkenan berangkat pada Majlis Musabqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang lalu.

Titah baginda, salah satu isyarat dari ajaran Al-Qur'an dan juga hadits Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah membina masjid, iaitu tempat orang-orang Islam beribadat. Amalan membina masjid ini adalah salah satu 'amal besar' yang mendatangkan ganjaran sangat lumayan. Maka tabung dana ini akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid.

Menurut baginda lagi, ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat. Saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal, manakala Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Barangsiapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga".

Inilah janji Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid, dan adapun tabung dana yang ada ini, insyaaAllah akan memungkinkan kita orang-orang Islam di negara ini untuk berkongsi harapan bagi memperoleh janji tersebut. Semua kutipan yang terkumpul akan dimanfaatkan sebaiknya untuk membina masjid baru, termasuk memperbaiki masjid yang sedia ada dan sebagainya. Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dengan tertubuhnya Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid tersebut, maka orang ramai bolehlah menyumbang kepada tabung berkenaan melalui berbagai cara seperti pemotongan wang melalui arahan tetap kepada bank, sumbangan secara terus ke dalam akaun tabung dana, menyerahkan sumbangan-sumbangan kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid, menderma melalui tabung-tabung dana yang diletakkan di tempat-tempat tertentu seperti masjid-masjid dan bangunan-bangunan, perkhidmatan SMS dan sebagainya.

InsyaaAllah, sebagaimana yang dirancang, setelah tiga bulan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid ini dilancarkan, maka kaedah kutipan secara pemotongan gaji akan mula dilaksanakan. Kaedah pemotongan gaji adalah secara sukarela, pegawai serta kakitangan kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah dialu-alukan untuk membuat pemotongan gaji ini dengan jumlah minimum dua ringgit.

Oleh yang demikian, orang ramai khasnya rakyat dan penduduk negara ini adalah diseru



"BARANGSIAPA membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga".

untuk sama-sama mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah. Kita berdoa semoga segala amal jariah yang kita lakukan dengan ikhlas akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda sepertimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya Rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 :

Tafsirnya : "Perbandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha Luas Rahmat dan Limpah Kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."

PERBANDINGAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha Luas Rahmat dan Limpah Kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.

وقت سمبھيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باقي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 9 مي 2015 برساماعن دغن 20 رجب 1436 هيفث كھاري جمعة 15 مي 2015 برساماعن 26 رجب 1436 ادائه سقرت دباوه اين :

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه رجب	هاري	مسيحي مي
7 . 39	6 . 27	3 . 38	12 . 18	6 . 31	6 . 07	4 . 46	4 . 36	20	سبتو	9
7 . 40	6 . 27	3 . 38	12 . 18	6 . 31	6 . 07	4 . 46	4 . 36	21	احد	10
7 . 40	6 . 27	3 . 39	12 . 18	6 . 31	6 . 06	4 . 46	4 . 36	22	اثنين	11
7 . 40	6 . 27	3 . 39	12 . 18	6 . 31	6 . 06	4 . 46	4 . 36	23	ثلاث	12
7 . 40	6 . 27	3 . 39	12 . 18	6 . 31	6 . 06	4 . 45	4 . 35	24	رايو	13
7 . 40	6 . 27	3 . 39	12 . 18	6 . 30	6 . 06	4 . 45	4 . 35	25	خميس	14
7 . 41	6 . 27	3 . 40	12 . 18	6 . 30	6 . 06	4 . 45	4 . 35	26	جمعة	15

وقت ٢ سمبھيغ باقي داعيره توتوغ دتميه ساتو ميثيت دان داعيره بلاعت دتميه تيف ميثيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوكول 12.45 نغه هاري

Kenali Kawasan 1 RPN Lambak Kanan



MASJID Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan terletak di Kawasan 1 RPN Lambak Kanan.

Oleh : Norliah binti Md. Zain
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KAWASAN 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan adalah salah satu daripada lima kawasan RPN Lambak Kanan dan mula wujud sekitar tahun 1990an.

Kawasan ini ditadbir oleh seorang Ketua Kampung, iaitu Awang Mohammad bin Haji Tahir yang juga memangku jawatan ketua kampung bagi Kampung Sungai Hanching dan Salambigar. Beliau merupakan ketua kampung yang pertama bagi

kawasan ini dan mula menjawat jawatan ini pada tahun 1997.

Kawasan ini dihuni oleh 4,000 ke 5,000 penduduk yang terdiri daripada 266 orang warga emas, 42 anak yatim. Kampung ini mempunyai 648 buah rumah.

Kawasan ini tidak terlepas menerima beberapa kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air dan telefon di samping kemudahan-kemudahan



BALAI Bomba Lambak Kanan.



SEKOLAH Rendah Jalan 49 Lambak Kanan.

lain seperti Sekolah Rendah Jalan 49, Sekolah Ugama Lambak Kanan

dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Masjid Lambak



RUMAH Bidan kerajaan.

Kanan, balai bomba dan bidan kerajaan.

Gerai Jualan Kawasan 3 RPN Lambak Kanan: Jana ekonomi penduduk

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

HIDUP dalam keadaan aman damai dan tenteram menjadi idaman dan harapan setiap orang apabila tinggal di sesebuah kampung. Lebih-lebih lagi jika penduduk kampung saling tolong menolong, bantu membantu, pemedulian dan hidup bermuafakat antara satu sama lain setentunya menambahkan lagi keharmonian hidup sekampung. Peranan pemimpin akar umbi yang berwibawa juga adalah perlu agar kebajikan penduduk kampung sentiasa terjamin.

Kawasan RPN Lambak Kanan

mempunyai keluasan Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan ialah 139.66 hektar dengan jumlah rumah lebih 350 buah. Seramai lebih 3,300 penduduk yang tinggi di kampung ini yang mana termasuk 391 orang warga emas.

GERAI JUALAN HASIL MUFAKAT

Walaupun Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan merupakan sebuah kampung yang baru, namun ia tidak menghalang penduduk kampung untuk hidup saling

bermuafakat. Buktinya, hasil kerjasama penduduk Kampung Lambak Kanan, ketua kampung dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan, mereka telah berjaya mengadakan Gerai Jualan yang diadakan di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan 1, Jalan 1, Perumahan Negara Lambak Kanan, setiap hari Jumaat hingga Ahad, dari 3 petang hingga 10 malam.

Gerai yang mula beroperasi pada 9 Januari 2015 ini dirasmikan setelah lebih sebulan beroperasi, iaitu pada 22 Februari 2015 oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Ia merupakan projek kedua hasil kerjasama bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan dan Penduduk-penduduk Kampung Kawasan 3.

Ketua Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan yang juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung, Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusuf berkata, gerai jualan menambah kegiatan perekonomian kampung khususnya golongan belia. Beliau turut melahirkan rasa syukur kerana gerai ini mendapat kunjungan yang sangat menggalakkan.

Pada masa ini, sebanyak 24 petak jualan telah disediakan khusus kepada penduduk Kampung Lambak Kanan dan sekitarnya yang berdaftar untuk berniaga di gerai jualan tersebut pada setiap hujung minggu.

Orang ramai adalah dialu-alukan bagi mengunjungi gerai jualan tersebut yang menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman.

KEGIATAN

Kampung ini juga aktif dalam beberapa kegiatan keagamaan antaranya mengadakan pertandingan



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim berinteraksi dengan seorang penjual di gerai jualan yang dirasmikan pada 22 Februari 2015.



PEJABAT Lambak Standby Base, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

dikir antara mukim-mukim dan kampung-kampung, mengadakan kutipan bulanan kepada penduduk kampung yang berhasrat mengadakan ibadat korban, mengadakan dikir 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, bertahlil di tanah perkuburan serta sering diundang bagi acara-acara kebesaran Islam peringkat kebangsaan di negara ini.

Selain itu, Bahagian Keagamaan Majlis Perundingan kampung ini juga berhasrat untuk menubuhkan kelas dikir bagi mengajar penduduk kampung.



BANGUNAN Sekolah Rendah Dato Marsal.

Sempena bulan Ramadan, kampung ini juga aktif mengadakan Gerai Ramadan setiap hari bagi memudahkan orang ramai dan penduduk kampung mendapatkan juadah berbuka puasa.

Walaupun kawasan ini adalah sebuah kawasan perumahan yang terdiri daripada penduduk yang berhijrah dari pelbagai kampung, namun berkat kesefahaman yang erat, mereka juga mampu bermuafakat untuk sama-sama memajukan ekonomi penduduk kampung demi menjana pendapatan.

Semoga kampung ini sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan hidup aman dan makmur.



KLINIK Kesihatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.

Berangkat ke Majlis Istiadat Pertabalan Sultan Perak Ke-35

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali
dari Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar sebelum Majlis Santapan Tengah Hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berbul mesra bersama Raja Permaisuri Perak Tuanku Siti Bainun Mohd. Ali, bonda Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak Ke-35.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung menandatangani Buku Lembaran Kenangan di Istana Iskandariah.



DYTM berbul mesra bersama Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak.



MAJLIS Santapan Tengah Hari sempena pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Sultan Perak Ke-35 di Istana Iskandariah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN, Rabu, 6 Mei. - Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah sebagai Sultan Perak Ke-35, berlangsung dengan Istiadat Tabal Adat di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Berkenan berangkat pada Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak Ke-35 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Istana Iskandariah dijunjung oleh Orang Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jeneral (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin dan Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain, sebelum beredat ke Bilik Persemayaman, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menandatangani Buku Lembaran Kenangan.

Di Bilik Persemayaman, DYT di alu-alukan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Dari Bilik Persemayaman, DYT kemudiannya dijunjung berangkat masuk ke Balai Agung Seri bagi menyertai Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun; Yang Teramat Mulia Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Yang Teramat Mulia Puan Temenggong Kedah; Pemangku Sultan Pahang; Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri-Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri; wakil Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri; serta para tetamu khas diraja.

Ini seterusnya diikuti dengan keberangkatan masuk DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak; serta Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak dan Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak, keberangkatan masuk diiringi dengan paluan Nobat 'Lagu Raja Berangkat'.

Majlis Istiadat Pertabalan dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci

Al-Qur'an dan diikuti pula dengan Istiadat Membawa Masuk Naskhah Al-Qur'an, yang mana DYMM Paduka Seri Sultan Perak kemudiannya berkenan menerima senaskhah Al-Qur'an yang disembahkan oleh Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan.

Pemasyhuran Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak kemudian dibacakan oleh Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dan disusuli dengan tembakan meriam 21 das.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan Istiadat Membawa Masuk 'Pedang Cura Si Manja Kini'.

Sejurus itu, sembah 'Daulat' dilancarkan sebanyak tiga kali dan diikuti dengan paluan Nobat Tabal.

Sejurus itu, Toh Seri Nara Di Raja mempersembahkan 'Mastika Embun' dan menyunting 'Chap Halilintar' ke hadapan majlis DYMM Paduka Seri Sultan Perak.

Ini diikuti seterusnya dengan Istiadat Pemasyhuran Penganugerahan Gelaran DYMM Raja Permaisuri Perak oleh Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja. DYMM Paduka Seri Sultan Perak kemudiannya menyematkan 'Bunga Pencawa Pencara' kepada DYMM Raja Permaisuri Perak. Sejurus itu, sembah 'Daulat' sebanyak tiga kali dilancarkan dan diikuti dengan paluan Nobat.

Majlis Istiadat Pertabalan diteruskan dengan Persembahan Ucapan Tahniah dan Taat Setia.

Persembahan Ucapan Tahniah dan Taat Setia dimulakan oleh DYT Raja Muda Perak Darul Ridzuan bagi pihak Raja-Raja dan Orang Besar Perak Darul Ridzuan dan diikuti dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan bagi mewakili kerajaan dan rakyat.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan kemudian berkenan mengumikan titah.

Majlis Istiadat Pertabalan ditutup dengan bacaan Doa Selamat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak dan DYMM Raja Permaisuri Perak kemudian berkenan berangkat meninggalkan Balai Agung Seri.

Seleasai Majlis Istiadat Pertabalan tersebut, DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat bersama-sama tetamu-tetamu khas diraja yang lain ke Dewan Santapan bagi Majlis Santapan Tengah Hari.

Seleasai Majlis Santapan Tengah Hari, DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat meninggalkan Istana Iskandariah bersama-sama tetamu-tetamu khas diraja yang lain.

Mengiringi keberangkatan DYT ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Alaiuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha; Setiausaha Tetap di JPM, Awang Yahya bin Haji Idris dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Dato Paduka Alihan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Istiadat Tabal Adat tonjol keunikan Adat Kesultanan Melayu Perak



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak Ke-35 bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar sebelum Majlis Santapan Tengah Hari.

KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN, Rabu, 6 Mei. - Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, 58, sebagai Sultan Perak Ke-35 mencatat satu lagi sejarah buat Negeri Perak kerana ia merupakan Istiadat Pertabalan kedua tahun ini.

Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Sultan Perak XXXV (35) pada 6 Mei, menonjolkan keunikan dan kekayaan adat Kesultanan Melayu Perak yang diwarisi sejak tahun 1528, selepas Sultan Mudzaffar Shah I dijemput memerintah Perak.

DYMM telah dimasyhurkan



ISTIADAT Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Sultan Perak Ke-35, berlangsung dengan Istiadat Tabal Adat di Istana Iskandariah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

BIODATA :

- Diputerakan pada 27 November 1956.
- Putera sulung Almarhum Sultan Azlan Shah ibni Almarhum Yusuff Izzuddin Shah dengan Raja Permaisuri Perak Tuanku Siti Bainun Mohd. Ali.
- Ditabalkan sebagai Raja Muda Perak pada 19 April 1987.
- Berkahwin dengan Tuanku Raja Puan Besar Perak Zara Salim Davidson pada 17 Mei 2007.
- Anakanda : Raja Mudzaffar Azlan Shah, Raja Nazira Safya Shah.
- Pendidikan
- Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Politik, Ekonomi dan Kerajaan dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat.
- Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford, England (1979).
- Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Awam dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat (1984).
- Khidmat
- Pro Canselor Universiti Malaya bermula tahun 1989.
- Pengerusi Yayasan Hoki Malaysia bermula tahun 1992 hingga 2005.
- Presiden Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Kesultanan Perak yang merupakan satu-satunya waris Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pewarisan

baginda.

Perkara ini merupakan imbasan kepada titah Sultan Nazrin yangmana sebelum ini baginda ada menitahkan bahawa dalam sesuatu majlis hendaklah diadakan bacaan Al-Qur'an, jadi dalam majlis ini, Al-Qur'an turut dibaca.

Pada istiadat berlangsung, Sultan Nazrin Muizzuddin memegang dan mengucapnya terlebih dahulu sebelum meletakkan kitab suci tersebut di tempatnya selepas diarak.

Selesai perarakan, ia disusuli pula oleh YAB Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dengan membacakan Pemasyhuran Pengisytiharan Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan menyerahkan 'Pedang Cura Si Manja Kini' kepada Sultan Nazrin.

Sedikit maklumat mengenai penyerahan 'Pedang Cura Si Manja Kini' adalah disebabkan yang mana Perak tidak mempunyai mahkota dan hanya menggunakan pedang berkenaan sebagai simbolik penyerahan pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak disusuli dengan pemasyhuran gelaran DYMM Raja Permaisuri Perak.

Kedua-dua pemasyhuran tersebut dilakukan oleh YAB Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dengan melancarkan 'Daulat Tuanku' bagi Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan 'Daulat' untuk Tuanku Zara sebanyak tiga kali.

Pada Istiadat Pertabalan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah itu juga terdapat sedikit kelainan dalam istiadat perarakan di mana istiadat perarakan tersebut membawa Al-Qur'an semasa 'Tabal Adat' Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, yang mana Al-Qur'an tersebut dibaca terlebih dahulu, sebelum diarak dan diserahkan kepada

baginda dan pelajar serta ini boleh

dikatakan sebagai kesinambungan baginda sebagai seorang raja yang sentiasa dekat di hati rakyat itu sendiri.

Mengupas mengenai dengan biodata DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah diputerakan di Pulau Pinang, 27 November 1956 yang merupakan Raja Muda Perak. Baginda adalah putera sulung kepada Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dengan Tuanku Raja Bainun Mohd. Ali.

Nama penghutang - Md. Abdul Azim bin Abdullah @ Sana Anak Jampang (Kad Pengenal Brunei No. 30-200807 - Merah) Alamat - Blok 'E', No. 14, Berek Polis Muara, Muara, BT1128, Negara Brunei Darussalam, Nombor Perkara - Kebankrapan No. 96 Tahun 2008. Tarikh Perintah Penerimaan - 10 Julai 2008. Tarikh Perintah dibatalkan - **12 Mac 2015**. Alasan Pembatalan - Semua hutang-hutang dijelaskan dengan penuh.

**PEMBATALAN PERINTAH
PENERIMAAN**

Nama penghutang - Haji Mahasi @ Yusof bin Haji Jamuddin (Kad Pengenal Brunei No. 00-049233 - Kuning) Alamat - No. 3, Simpang 120-48-36-11, STKRJ Kampung Mumong, Kuala Belait, KA1731, Negara Brunei Darussalam, Nombor Perkara - Kebankrapan No. 300 Tahun 2011. Tarikh Perintah Penerimaan - 26 Januari 2012. Tarikh Perintah dibatalkan - **7 Mac 2015**. Alasan Pembatalan - Semua hutang-hutang dijelaskan dengan penuh.

**PEMBATALAN PERINTAH
PENERIMAAN**

Nama penghutang - Mohamad Zulehram bin Yakub (RBAF I/C No. 281174) Alamat - C-20, Jalan Suas, Berakas Camp, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam, Nombor Perkara - Kebankrapan No. 81 Tahun 2009. Tarikh Perintah Penerimaan - 16 Julai 2009. Tarikh Perintah dibatalkan - **26 Februari 2015**. Alasan Pembatalan - Semua hutang-hutang dijelaskan dengan penuh.

PERINTAH PENGHUKUMAN

Nama penghutang - Azmi Artiman bin Haji Ahad (Kad Pengenal Brunei No. 00-260956 - Kuning) Alamat terakhir diketahui - No. 12, Simpang 61, Jalan Ban 4, Kampung Kilanas - Mulaut, BF2520, Negara Brunei Darussalam, Mahkamah-Mahkamah Tinggi Bandar Seri Begawan BA 1910, Brunei Darussalam Nombor Perkara - Kebankrapan No. 167 Tahun 2013. Tarikh Perintah Penghukuman - **31 Mac 2015**. Tarikh Permohonan - 6 Januari 2015.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DIBANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 226 TAHUN
2014**

HSBC FINANCE (B) BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs

1. MOHAMMAD AZIF BIN HAJI

YUSOF

(BYIC NO. 01-039700)

2. NORFAZILAH BINTI ZULKEFLI

(BYIC NO. 00-317437)

... Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Mac 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **30 April 2015, jam 9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 April 2015, jam 9.30 pagi**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyioal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Mac 2015

PERINTAH PENERIMAAN

Nama Penghutang :

1. MOHAMMAD AZIF BIN HAJI YUSOF
(BYIC NO. 01-039700)

2. NORFAZILAH BINTI ZULKEFLI
(BYIC NO. 00-317437)

Alamat Terakhir Diketahui :

1. c/o IT Department, Total E & P Ground & F1, RBA Plaza, Jalan Sultan BSB BS8811

2. No. 1 'B' Simpang 363-29-43-20, RPN Kampung Pandan 7 Kuala Belait KA2131

Mahkamah - Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Nombor Perkara - Kebankrapan No. 226 Tahun 2014

Tarikh Perintah : 5 Mac 2015

Tarikh Petisyen : 19 Disember 2014

Perbuatan atau Perbuatan - Perbuatan Kebankrapan - Gagal untuk mematuhi kehendak-kehendak Notis Kebankrapan yang telah dihantar kepadanya pada 15 November 2014. Perbuatan Kebankrapan telah dilakukan pada 22 November 2014.

**KEBANKRAPAN NO. 314 TAHUN 2014
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BHD.**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs

SITI HADIZAH

BINTI AWANG HAJI ABDULLAH
(BYIC NO. 00-120578)

... Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Mac 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Mei 2015, jam 9.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Mei 2015, jam 9.30 pagi**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyioal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2015

PERINTAH PENERIMAAN

Nama Penghutang :

SITI HADIZAH BINTI AWANG HAJI ABDULLAH

Alamat Terakhir Diketahui :

No. 9 Lorong Seri Paduka Satu, Kampung Perpindahan Mata-Mata BE1918 Brunei Darussalam

Mahkamah - Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Nombor Perkara - Kebankrapan No. 314 Tahun 2014

Tarikh Perintah : 5 Mac 2015

Tarikh Petisyen : 16 Februari 2015

Perbuatan atau Perbuatan - Perbuatan Kebankrapan - Gagal untuk mematuhi kehendak-kehendak Notis Kebankrapan yang telah dihantar kepadanya pada 18 November 2014. Perbuatan Kebankrapan telah dilakukan pada 25 November 2014.

Tarikh Petisyen : 11 September 2014

Perbuatan atau Perbuatan - Perbuatan Kebankrapan - Gagal untuk mematuhi kehendak-kehendak Notis Kebankrapan yang telah dihantar kepadanya pada 18 November 2014. Perbuatan Kebankrapan telah dilakukan pada 25 November 2014.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Pg. Sarimah binti Pg. Haji Abd. Rahman (067142) Alamat : No. 16, Simpang 186, RPN Kampung Meragang, Brunei Darussalam Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 556 - 2009 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena dibayar - 6 Jun 2012 24 Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Tutong, Negara Brunei Darussalam.

28 Mac 2015

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Masnah binti Haji Jumat (00-062100) Alamat : Simpang 32, 32/13, No. 3 Kampung Perpindahan Mentiri, Brunei Darussalam Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 595 - 2011 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit 100 sen Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena dibayar - 9 Jun 2015 Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Tutong, Negara Brunei Darussalam.

24 Mac 2015

**NOTIS MENGENAI DIVIDEND
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Naim bin Haji Saif (00-075430) Alamat : No. 853, Kampung Tanah Jambu, Jalan Muara BU1129 Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor Kebankrapan No. 271 - 2003 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit 100 sen Pertama atau Terakhir atau selainnya - Terakhir Bila Kena dibayar - 5 Mei 2015 Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Tutong,, Negara Brunei Darussalam.

24 Mac 2015

**Timbalan pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

www.env.gov.bn



جابتن عالم سڪيتر تامن دان ريڪرياسي
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | BRUNEI DARUSSALAM

Kesan-kesan pencemaran makanan dibincangkan



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada Forum sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2015 bagi Peringkat Daerah Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 5 Mei. - Perubahan dalam pengeluaran makanan, pengagihan dan penggunaan, perubahan persekitaran, patogen baru dan yang muncul semula, serta *antimicrobial resistance* merupakan isu-isu semasa yang memberikan cabaran kepada sistem keselamatan makanan kebangsaan.

Selain itu, peningkatan dalam pelancongan dan perdagangan juga meningkatkan kemungkinan pencemaran makanan merebak di seluruh dunia.

Menyedari hal itu, Kementerian Kesihatan melalui Pejabat Kesihatan

Daerah Temburong mengadakan forum bertemakan 'Makanan Yang Selamat', berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Forum sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2015 bagi Peringkat Daerah Temburong itu ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Beberapa ahli panel diundang bagi menjayakan forum tersebut terdiri daripada Pegawai Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Kualiti dan

Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (JPK), Dayang Siti Khadizah binti Haji Latiff yang membincangkan topik 'Memastikan Keselamatan Produk Makanan Untuk Kegunaan Orang Ramai' dan Pegawai Perubatan, Bahagian Cara Kerja, JPK, Dr. Nurul Huda binti Haji Jeludin, dengan topik 'Bahaya Kesihatan Daripada Makanan'.

Juga diundang menjadi ahli panel forum ialah Ahli Kimia Ubat, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Dayang Norhasidah binti Haji Abdul Rahman dengan topik 'Produk Makanan Yang Dicemari Bahan Terkawal' dan Pegawai Pelajaran / Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Md. Idris bin Haji Abd. Rashid dengan topik 'Makanan Yang Selamat Dari Perspektif Islam'.

Antara yang dibincangkan semasa forum itu termasuklah isu-isu berkaitan makanan yang selamat dengan membincangkan pelbagai aspek keselamatan makanan termasuk pengeluaran makanan dan pencemaran bahan-bahan terkawal di dalam makanan.

Selain itu, ahli-ahli panel juga membincangkan isu mengenai kesan-kesan pencemaran bahan-bahan terkawal kepada tubuh badan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kesihatan Awam (Makanan) dan peraturan-peraturannya dan juga makanan selamat dari perspektif Islam.

Forum diadakan bagi meningkatkan kesedaran orang awam dan pengusaha premis-premis makanan dan minuman di daerah ini amnya akan pentingnya keselamatan makanan serta peranan penting masing-masing dalam memastikan setiap orang dan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

pengusaha makanan dan minuman merasa yakin bahawa makanan mereka selamat untuk dimakan dan diminum.

Selain forum, acara juga dimuatkan dengan pameran yang mendukung tema Hari Kesihatan Sedunia 2015 antaranya dari Bahagian Permakanan Masyarakat, JPK; Bahagian Penguatkuasaan Farmasi dan Bahagian Penerangan Ubat dan Racun, Jabatan Perkhidmatan Farmasi; Bahagian Kawalan Kualiti dan

Keselamatan Makanan, JPK.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; ketua-ketua jabatan, guru-guru besar sekolah-sekolah rendah kerajaan di Daerah Temburong, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, pengurus-pengurus kedai makan, para pemborong dan pengusaha kantin di daerah ini.

IPA kendalikan kursus untuk peserta ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) telah melaksanakan program untuk negara Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam (CLMV) bagi ASEAN Conference On Civil Service Matters (ACCSM), iaitu Kursus 'Unlocking Winning Strategies' in Management selama empat hari bermula 4 Mei hingga 7 Mei 2015.

Program yang diadakan di IPA, Rimba, Gadong, di sini telah dihadiri oleh sembilan orang peserta dari negara Kemboja, Myanmar dan Laos dan tujuh orang pegawai daripada pelbagai kementerian dan jabatan dari Negara Brunei Darussalam.

Kursus ini disampaikan oleh penceramah tempatan dari Syarikat Mind Matters, Awang Zainal bin Tinggal yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang strategik dalam pengurusan.

Antara objektif yang ingin dicapai adalah kesedaran mempertingkatkan pentingnya perancangan strategik sebagai salah satu imperatif untuk kementerian bertaraf dunia.

Antara tajuk-tajuk kursus yang akan disampaikan adalah taklimat mengenai perancangan strategik dan pelaksanaan, proses pengurusan strategik, analisis luaran dan dalaman, membentuk strategi SWOT, mengenal pasti pemilik proses perniagaan utama dan pengenalan kepada kad skor seimbang dan Petunjuk Prestasi Utama.

Melalui program tersebut para peserta berpeluang untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan untuk mendedahkan peserta kursus kepada amalan-amalan baik berhubung dengan pelaksanaan pelan strategik kementerian berkenaan.

JPD memperkenalkan sistem pemeriksaan kenderaan tempahan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Hj Awang Sulaiman

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) akan melaksanakan dan memperkenalkan pemeriksaan kenderaan persendirian yang berumur tujuh tahun ke atas secara tempahan (*booking*) bermula 4 Jun 2015 depan.

Dengan sistem baru ini, ia diharap akan dapat mengurangkan masa menunggu orang ramai untuk pemeriksaan kenderaan, selain mengurangkan barisan kenderaan yang diperiksa terutama minggu pertama dan minggu terakhir setiap bulan.

Demikian dinyatakan oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Dr. Haji Supry bin Haji Abd. Ladi pada Sidang Media yang berlangsung di Ibu Pejabat JPD, Beribi Gadong, di sini.

Menurutnya, melalui sistem ini ia diharasrat dapat mengawal untuk menyeimbangkan jumlah kenderaan yang diperiksa di pusat pemeriksaan pada sepanjang bulan yang mana jangkaannya adalah 150 kenderaan akan diperiksa setiap hari.

Di samping itu, tambahnya, ia dapat menambah baik tahap pemeriksaan kenderaan yang lebih berkesan dan penggunaan sumber tenaga manusia JPD dengan lebih teratur dan sistematik.

Beliau seterusnya menjelaskan, tempahan bagi pemeriksaan kenderaan tersebut boleh dibuat bermula 9 Mei 2015 ini di Ibu Pejabat JPD, Gadong dan ia hanya disediakan di Lorong 4

dan 5, Pusat Pemeriksaan Kenderaan (VIC), Ibu Pejabat JPD berkenaan.

Waktu beroperasi pula, jelasnya ialah pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.15 petang.

Sementara itu, bagi JPD Cawangan Kuala Belait dan Tutong pula, tambahnya, sasaran pemeriksaan kenderaan secara tempahan akan bermula pada bulan Julai 2015 yang mana keterangan lanjut akan dimaklumkan pada bulan Jun 2015.

Pengarah Pengangkutan Darat menambah, untuk permulaan pengenalan sistem ini, orang ramai boleh membuat tempahan selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh menjalani pemeriksaan dan bagi mengurangkan kekecewaan, orang ramai adalah disarankan untuk menempah lebih awal kerana waktu yang ditempah adalah tertakluk kepada kekosongan.

Tempahan, jelasnya, boleh dilakukan sama ada dengan menghubungi talian Hotline di 2448009 ataupun berurusan terus ke kaunter Penerimaan Tempahan di Lorong 7, VIC JPD HQ pada waktu pejabat mulai 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.45 petang hingga 4.15 petang.

Tempahan melalui perkhidmatan *online*, terangnya, pada masa ini dalam proses pengemaskinian dan percubaan sebelum sistem ini dapat



PENGARAH Pengangkutan Darat, Dr. Haji Supry bin Haji Abd. Ladi dalam Sidang Media menjelaskan mengenai sistem pemeriksaan kenderaan tempahan yang akan dimulakan pada 4 Jun 2015.

digunakan oleh orang ramai dan perkara ini juga akan dimaklumkan pada bulan Jun 2015.

Sementara itu, maklumat pemilik dan kenderaan yang akan diperiksa akan dicatat oleh pihak JPD di dalam jadual yang disediakan dan seterusnya disenaraikan untuk menjalani pemeriksaan pada tarikh dan masa yang ditempah.

Dalam masa yang sama orang ramai juga dinasihatkan supaya datang 15 minit lebih awal sebelum waktu tempahan pemeriksaan.

Pemeriksaan ke atas kenderaan adalah termasuk *visual, chassis, break light, engine no., signal light, break pad, tyre, glass, body work (external and internal)* dan lain-lain.

Bazar Ria Kelab Amal Amali bermula 10 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Syarikat Pengurusan Acara Rock Solid dan Syarikat Hiburan DSZ akan menganjurkan Bazar Ria Kelab Amal Amali selama lapan hari bermula 10 hingga 17 Mei 2015 di kawasan tempat letak kereta di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Bazar ria ini turut disokong oleh Kelab Amal Amali, Persatuan Kenderaan Bermotor Nostalgia, Brunei Tamiya dan Syarikat De'Heritage dan Achievers.

Kelab Amal Amali merupakan sebuah organisasi amal di Negara Brunei Darussalam yang baru ditubuhkan pada bulan April tahun ini di bawah pemantauan Pusat Belia di Bandar Seri Begawan yang diketuai oleh Yang Di-Pertua kelab tersebut, Dayang Siti Noor Dzuhaifah binti Haji Awang Damit. Kelab ini ditubuhkan bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 tahun ini, iaitu 'Generasi Berwawasan'.

Ke arah itu, pihak penganjur kini giat melaksanakan persiapan dan penyediaan logistik bagi kelancaran bazar itu nanti yang akan mengetengahkan pelbagai permainan dan aktiviti.

Sehubungan itu, pihak penganjur mengumumkan bahawa tiket untuk Zumba boleh didapati sekarang di Studio Gimnasium Be Fit Get Fit di Sengkuring, manakala itu, tiket untuk pertandingan mewarna boleh didapati di kaunter maklumat Kelab Amal Amali pada sepanjang bazar ria itu. Tiket bagi kedua-dua aktiviti tersebut akan dikenakan bayaran sebanyak BND3 sahaja.

Selain itu, Pertandingan Lumba Kereta Tamiya Mini 4WD dan Perlumbaan Grand Prix Ke Jepun akan diadakan di dewan pameran di Stadium Tertutup pada 17 Mei, Pameran Kereta Retro Brunei akan diadakan pada 10 dan 17 Mei.

Antara yang menarik, pihak penganjur juga akan memberikan baucar percuma dari Choco Nana kepada pengunjung bazar, di samping para pengunjung juga akan berpeluang untuk melawat rumah hantu dan pertunjukan reptilia dan haiwan eksotik sepanjang bazar ria itu nanti.

Sebarang keterangan lanjut atau aktiviti kelab yang akan datang bolehlah menghubungi talian 827 9935 atau 815 9913 atau boleh juga e-mel melalui dszhad@gmail.com.

Selain mempraktikkan tema yang sedia ada, kelab ini juga bertujuan untuk memberi ruang kepada belia - beliawanis mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang belia yang berwawasan sekali gus menjadi harapan negara untuk berfikiran lebih proaktif dan memperluaskan ilmu pengetahuan dengan mengikuti program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan disediakan oleh kelab ini.

Pasukan Perubatan ABDB beri bantuan kepada penduduk Gorkana, Nepal

KATHMANDU, Ahad, 3 Mei. - Pasukan Perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus berusaha sedaya upaya memberikan rawatan dan bantuan kepada penduduk Gorkana di Nepal.

Ia dilakukan memandangkan permintaan untuk rawatan semakin meningkat, yang mana membuatkan klinik terus sibuk dengan kedatangan pesakit yang jumlahnya lebih daripada 100 pesakit setiap hari.

Pada hari Sabtu, 2 Mei, doktor dan medik berjaya merawat kira-kira 300 mangsa gempa bumi Nepal di tapak Gorkana sehingga 5 petang.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan, rawatan yang diberikan adalah seperti anggota badan terseliuh, lebam dan asma kronik, cirit-birit dan dehidrasi.

Selesai saja memberikan rawatan, pasukan perubatan kembali ke tempat penginapan mereka di Pangkalan Perkhemahan Lapangan Terbang di mana mereka disertai oleh Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) dan pelbagai angkatan tentera asing yang menyediakan bantuan kemanusiaan.

Satu pasukan dari Kementerian Kesihatan Singapura juga telah tiba semalam (Sabtu) dan menyertai Pasukan Perubatan ABDB serta SAF untuk memberikan bantuan.

Satu pasukan perubatan bergerak juga dihantar pada hari Ahad, 3 Mei untuk meneroka tempat-tempat lain. Dilengkapi dengan peralatan dan bekalan, unit itu bersedia untuk merawat lebih beratus-ratus orang pesakit pada hari-hari yang akan datang.

Besar kemungkinan beribu-ribu mangsa masih terperangkap di bawah runtuhan di kawasan-kawasan terpencil semasa kejadian gempa bumi pada 25 April yang telah mengorbankan lebih 5,000 nyawa.



SEORANG anggota perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bersama ahli perubatan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) memberi rawatan dan bantuan kepada seorang pesakit di Gorkana.

Taklimat kenegaraan suntik semangat patriotik pelajar

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan hadiah kepada penuntut dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Meragang.

mengenai tatacara menaik kibar bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' selain menghuraikan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Katanya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik kibar dan kemudian menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti PELITA BRUNEI dan Radio dan Televisyen Brunei.

Selain mengetahui sejarah bendera dan lagu kebangsaan, setiap rakyat

harus menghormati dan menghayati erti di sebalik seni kata lagu 'Allah Peliharakan Sultan' kerana ia mengandungi permohonan doa kepada Allah untuk raja dan negara, di samping mendidik para pelajar bagaimana ketertiban semasa menaikkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan yang merupakan pendidikan awal yang boleh memberikan kesan positif.

Acara diteruskan dengan tayangan video klip mengenai bendera negara terbitan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan sesi Kuiz Kenegaraan.

Antara objektif Program Taklimat ialah mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara, beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja selain menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui bendera negara dan lagu kebangsaan.

Selain itu, ia bertujuan memaparkan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai bendera negara dan lagu kebangsaan.



PROGRAM Taklimat Kenegaraan merupakan usaha Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan untuk meningkatkan peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan, khususnya bagi pelajar institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, PTE dan sekolah-sekolah menengah seluruh negara.

Forum 'SINAR' seluruh negara

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Khamis, 23 April. - Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Lumut melalui Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah Menengah dan Sekolah-Sekolah Swasta Seluruh Negara Bagi Tahun 2015 telah melaksanakan Forum 'SINAR'.

Menurut Timbalan Pengetua Pentadbiran, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Awang Haji Mohd. Saiful Bahrin bin Haji Sabli, program berkenaan dihasratkan untuk membantu pembentukan personaliti pelajar dengan mempunyai peribadi mulia, beradab sopan, bijaksana dalam

membuat keputusan dan tindakan.

Selain itu, program tersebut memupuk peribadi para remaja agar mengamalkan gaya hidup sihat, di samping memiliki akhlak mulia.

Usaha ke arah kecemerlangan program tersebut telah melibatkan beberapa agensi-agensi kerajaan termasuk Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Penerangan bagi Kumpulan 'A'.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu

TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Cawangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar bersama Timbalan Pengetua Pentadbiran, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatulk Bolkiah, Lumut, Awang Haji Mohd. Saiful Bahrin bin Haji Sabli.

Bakar telah menyampaikan taklimat mengenai bendera dan lagu kebangsaan.

Sementara Kumpulan 'B' melibatkan penerangan dari Biro Kawalan Narkotik, JPM; Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, JPM; Pasukan Polis Diraja Brunei, JPM; Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Kastam

dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan.

Program itu juga bertujuan untuk melahirkan remaja yang sihat bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi sihat dari segi emosi rohani dan akli selain untuk membina sahsiah pelajar yang mantap dan cemerlang. Matlamat program ini disasarkan kepada penuntut Tahun 7 dan 8.



Kejohanan Badminton MPK Danau eratkan silaturahim

Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG. - Kejohanan Badminton Pengguna Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau, Tutong anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Danau, Tutong telah berlangsung pada 29 April 2015 lalu bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Pemerintah Operasi 'E', Bomba dan Penyelamat Daerah Tutong, SSFR Awang Haji Tahir bin Haji Muktal.

Kejohanan ini telah bermula pada 12 April 2015 dengan sistem 'Double Knockout' dan disertai oleh seramai 30 orang pemain yang mewakili pelbagai peringkat umur iaitu dari pemain-pemain muda yang berpotensi sehingga peringkat pemain-pemain veteran.

Pengerusi Majlis, Awang Umar Ali bin Haji Ismail ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya pada majlis itu menyatakan, tujuan kejohanan ini diadakan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan pemain-pemain bukan sahaja terdiri dari Kampung Danau, tetapi juga turut disertai oleh pemain-pemain dari

Kampung Telisai, Kampung Bukit Beruang dan kampung-kampung yang lain.

Di samping itu jelasnya, bersukan sambil berhibur juga untuk menjaga kesihatan badan seperti yang disarankan. Mendedahkan pemain-pemain yang baru berkecimpung dalam arena badminton ke suasana perlawanan kerana suasana perlawanan adalah berbeza dengan suasana permainan pada hari-hari biasa.

“Di mana dalam perlawanan formal seperti ini kita bukan saja bertarung kebolehan kemahiran dan ketahanan fizikal tetapi kita juga terdedah kepada pertarungan psikologi (*psychological warfare*),” jelasnya.

Turut menyampaikan ucapan ialah Timbalan Pengerusi MPK Danau, Tutong, Awang Haji Abdullah bin Haji Md. Tahir yang menyokong penuh hasrat pemain-pemain untuk mengadakan acara-acara seperti ini bukan sahaja sukan badminton tetapi juga sukan-sukan yang lain dengan menggunakan kemudahan dan ruang Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau yang sedia ada bagi



PEGAWAI Pemerintah Operasi 'E', Bomba dan Penyelamat Daerah Tutong, SSFR Awang Haji Tahir bin Haji Muktal bergambar ramai bersama para pemenang Kejohanan Badminton Pengguna Dewan Kemasyarakatan Kampung Danau, Tutong anjuran Majlis Perundingan Kampung Danau, Tutong.

mengadakan apa jua acara yang berfaedah.

Tetamu kehormat juga telah berkesudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang Beregu Lelaki dalam kejohanan badminton ini.

Johan bagi kejohanan ini telah dimenangi oleh Awang Repin bin Haji Angkis dan Awang Ahmad bin Marsal yang membawa pulang hadiah berupa *voucher* bernilai BND240 sumbangan Awang Hilmi bin Abdullah. Tempat kedua yang membawa pulang hadiah berupa raket setiap seorang telah

dimenangi oleh Awang Hisyam bin Haji Matnor dan Awang Saidatullah bin Salleh. Tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Zuhar bin Hamir dan Awang Umar Ali bin Haji Ismail, masing-masing membawa pulang beg badminton setiap seorang. Hadiah tempat kedua dan ketiga adalah sumbangan Awang Abdul Hakim bin Md Edham. Tempat keempat turut mendapat hadiah berupa saguhati sumbangan Awang Hilmi bin Abdullah berupa satu *tube shuttle* Ashaway

setiap seorang yang dimenangi oleh Awang Abdul Rashid bin Haji Hamdan dan Awang Muhammad Shariffuddin Shah bin Razali.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat yang disampaikan oleh Penasihat MPK Danau, Mejar (B) Awang Haji Ali bin Haji Ahmad.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai oleh para pemenang bersama tetamu kehormat majlis.

Bubuk 14 juarai Kejohanan Sembilan Orang Sepasukan



PASUKAN Bubuk 14 yang berjaya menjulang Piala KKBS semasa bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Mei. - Pasukan Bubuk 14 berjaya menjulang Piala KKBS selepas menewaskan pasukan BSSA dengan jaringan 2 - 1 pada perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak 14 Tahun Ke Bawah Sembilan Orang Sepasukan anjuran Sahabat 1024 dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, Jalan Berakas.

Penyerang lincah Bubuk 14, Muhammad Hadif Aiman bin Haji Adanan yang juga penjaring terbanyak kejohanan tersebut menjadi nadi utama menyumbang kemenangan skuad Bubuk 14 apabila membuat hantaran silang kepada Ahmad Al'Azhaar bin Haji Moslim bagi mendahului dengan 1 - 0.

Namun BSSA U14 berjaya merapatkan jurang setelah diberikan sepakan penalti, tetapi Bubuk 14 berjaya mendahului melalui sepakan kencang Muhammad Hadif Aiman bin Haji Adanan bagi mendahului jaringan sehingga tamat permainan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Seri Setia Haji

Awang Hafidz hadir selaku tetamu kehormat kejohanan menyaksikan perlawanan dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Pasukan Bwon FC menduduki di tempat ketiga setelah menewaskan PAAP FC melalui sepakan penalti setelah permainan tamat seri 0 - 0.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Sahabat 1024 telah disertai oleh 12 pasukan yang dibahagikan kepada



PEMAIN pasukan Bubuk 14 (jersi 8) menjaringkan gol pertama pada perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak 14 Tahun Ke Bawah Sembilan Orang Sepasukan.

Berita dan Foto :
Hamdanajib Domeng

empat kumpulan yang mana juara kumpulan layak ke separuh akhir.

Menurut pengerusi bersama kejohanan, Awang Haji Jailani bin Haji Awang Ibrahim, kejohanan seumpama ini diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemain-pemain muda, selain dapat menggalakkan cara hidup sihat serta mencari bakat-bakat baru dalam permainan bola sepak di negara ini. Di samping itu, kejohanan ini juga diselajurkan dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2015 bagi Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu itu, Kejohanan Bola Sepak 14 Tahun Ke Bawah Sembilan Orang Sepasukan anjuran Sahabat 1024 dengan kerjasama PPNBD dan Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara ini telah dirasmikan oleh Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Ar Haji Idris bin Haji Abas pada sebelah pagi. Kejohanan tersebut juga dimeriahkan dengan kehadiran pemain-pemain skuad Brunei DPMM FC yang juga mengetuai sesi pemanasan badan dan senamrobik. Pemain-pemain kejohanan juga berpeluang beramah mesra serta diberi tunjuk ajar daripada pemain Brunei DPMM FC.

Berita dan Foto : Ihsan Bahagian Media dan ICT

TUTONG. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong telah mengadakan Kejohanan Bola Jaring Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Kawasan Tutong I pada hari Khamis, 30 April 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Daerah Tutong di sini ialah Penyelia Kanan Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Tutong, Dayang Masni binti Haji Duraman.

Sejurus selepas menyanyikan Lagu Kebangsaan, tetamu kehormat diperkenalkan kepada para peserta kejohanan sebelum perlawanan peringkat akhir dimulakan.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah, sijil dan cenderamata kepada pengadil-pengadil dan peserta-peserta olah tetamu kehormat dan sesi bergambar ramai.

Seramai 12 buah sekolah rendah kerajaan dan swasta kawasan Tutong I menyertai kejohanan tersebut.

Juga hadir menyaksikan kejohanan tersebut ialah guru-guru besar sekolah yang terlibat.

Kejohanan bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan murid-murid yang terlibat, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluruhan budi serta membina jasmani dan rohani yang sihat dan mantap.

Ia terbuka kepada sekolah-sekolah rendah kerajaan dan pendidikan swasta mengikut kawasan masing-masing yang hanya dibukakan kepada pelajar-pelajar perempuan sahaja yang berumur tahun 12 tahun ke bawah.

Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja dengan seramai 10 orang pemain.



PENYELIA Kanan Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah, Daerah Tutong, Dayang Masni binti Haji Duraman bergambar kenangan bersama pemenang Kejohanan Bola Jaring Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Kawasan Tutong I.

YTM mulakan lawatan rasmi ke Republik Singapura

Oleh : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Azmah Haji Ahad

NBD - UK nikmati persahabatan erat

Dari muka 1

Di dalam perutusan baginda kepada Perdana Menteri United Kingdom, The Rt. Hon David Cameron MP, baginda bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom terus menikmati persahabatan erat yang sudah lama terjalin dengan kerjasama dua hala yang kukuh.

Baginda seterusnya berharap semoga dapat meningkatkan lagi pertalian yang amat bernilai dengan Yang Amat Berhormat serta kerjasama serantau dan antarabangsa di antara kedua-dua buah negara.

Baginda berharap semoga Yang Amat Berhormat akan beroleh kejayaan besar di dalam semua kerjanya pada masa depan dan mengakhiri perutusan baginda dengan menyampaikan salam muhibah semoga Yang Amat Berhormat akan terus berada dalam keadaan sihat walafiat serta kebahagiaan.

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 8 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan memulakan atur cara rasmi dengan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri Kedua dan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Kedua Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu. Majlis Santap Tengah Hari diadakan di Tanglin Room, Kementerian Luar Negeri Singapura.

Turut hadir pada Majlis Santap Tengah Hari berkenaan ialah Menteri Negara Kanan di Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan Republik Singapura, Puan Josephine Teo.

Semasa Majlis Santap Tengah Hari, Yang Teramat Mulia dan Puan Yang Terutama Grace Fu bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan kerjasama dua hala.

Pada sebelah petang, YTM berangkat membuat lawatan ke Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS). Keberangkatan tiba YTM dijunjung oleh Ketua Unit Hal Ehwal Awam ISEAS, Mr. Tan Keng Jin.

YTM kemudian meneruskan atur cara lawatan rasmi ke Muzium Nasional Singapura untuk menyaksikan pameran khas 'In Memoriam : Lee Kuan Yew' dan menandatangani Buku Takziah. Keberangkatan tiba YTM dijunjung oleh Timbalan Pengarah Muzium, Muzium Nasional Singapura, Iskander Mydin.

YTM diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar semasa lawatan ini.

Keberangkatan tiba YTM malam kelmarin di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima junjung ziarah daripada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum berangkat ke Republik Singapura bagi lawatan rasmi.

dijunjung oleh Timbalan Pengarah Agung, Mr. Kamal R. Vaswani dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Mansor.

YTM berangkat ke Republik Singapura bagi lawatan rasmi selama tiga hari bermula

8 hingga 10 Mei 2015.

Lawatan rasmi YTM ini adalah atas jemputan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri Kedua dan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Kedua Republik Singapura, PYT Grace Fu.

Raja hebat tawaduk hormati ulama

Dari muka 1

Yang Berhormat menceritakan, dalam satu riwayat menakjubkan, Sayidina Umar Ibn al-Khattab Radhiallahu 'anhu, ketika berjalan-jalan di sekitar Kota Madinah dengan mengenderai tunggangan. Tiba-tiba muncul seorang perempuan tua menahannya lalu Sayidina Umar turun menemui perempuan itu, mahu tahu apa hajatnya. Lalu perempuan berkata yang bermaksud "Dengar baik-baik, wahai Umar! Adapun engkau dalam era jahiliyyah dahulu adalah seorang Umar yang kecil, Umar yang biasa yang tidak ada apa-apa, dan selepas Islam engkau adalah betul-betul Umar, dan pada hari ini pula, engkau adalah Amirul Mu'minin, raja kepada sekalian orang-orang beriman, makanya, ketahuilah wahai Umar, barangsiapa yang takutkan mati, selamatlah dia dari kebinasaan, dan barangsiapa yang takutkan azab Allah Ta'ala, selamatlah dia dari hisab (perhitungan) pada hari kiamat kelak."

Mendengar ini. Orang-orang yang menyaksikan kejadian berkata: "Sungguh hairan, wahai Amirul Mu'minin! Tuan bersedia mendengarkan celoteh perempuan tua ini."

Menurut Yang Berhormat, ertinya, pada penilaian umum, Umar, selaku raja, Amirul Mu'minin, adalah tidak layak untuk melayani seorang perempuan dengan nasihatnya. Siapa perempuan dan siapa pula Umar? Perempuan hanya orang biasa dan tua pula, sementara Umar adalah raja, Amirul Mu'minin, mana layak untuk Amirul Mu'minin mendengar dan menerima nasihat daripada orang tua yang tidak dikenali ini.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan Kertas Perdana bertajuk 'Keunggulan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz Sebagai Tokoh Yang Dihormati'. - Foto : Ihsan Osman Abu Bakar, Jabatan Mufti Kerajaan.

"Ini demikian tanggapan umum. Sekarang bagaimana pula dengan Umar sendiri, adakah beliau juga sependapat dengan orang ramai ini? Mari sama-sama kita dengarkan apa yang keluar daripada mulut Umar sendiri, katanya, (Demi yang mengutus Nabi Muhammad dengan kebenaran, sekiranya perempuan ini mahu bercakap (memberi nasihat) untuk sepanjang-panjang harinya, nescaya aku tidak akan meninggalkannya kecuali hanya untuk sembahyang sahaja, kemudian aku akan kembali pula kepadanya untuk terus mendengarkan nasihatnya...)” kata Yang Berhormat lagi.

Begitulah respons Umar, tegas Yang Berhormat lagi, padahal, perempuan ini bukan mufti, profesor, ustazah. Dia cuma seorang perempuan tua biasa, tetapi Umar tidak melihat itu, yang dilihat dan dinilai Umar ialah isi

nasihatnya, keikhlasannya berkata-kata dan keberaniannya dalam menyampaikan nasihat.

“Bukan semua orang memiliki keberanian seperti perempuan ini. Kerana itulah Umar sangat-sangat menghargainya. Sementara sifat Umar sendiri pulamenandakan, bahawa beliau itu seorang yang benar-benar tawadukmesra rakyat lagi adil. Adapun raja yang adil adalah raja yang dirahmati oleh Allah, dirahmati dengan perlindungan dan pemeliharaanNya, dan juga dipanjangkan umur takhtanya,” jelas Yang Berhormat lagi.

Berbeza sebaliknya dengan raja atau penguasa yang zalim, mereka akan kempunan rahmat, tidak mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah, serta kerajaannya juga tidak akan bertahan lama.

Ini, bukanlah andaian yang senghaja

dibuat-buat atau teori yang tidak berasas, bukan! Tetapi adalah ia fakta dan kenyataan yang benar.

Yang Berhormat menegaskan, ini dapat dilihat dalam sejarah, berapa banyak takhta dalam dunia ini yang dialihkan dari istana ke muzium-muzium sebagai bahan budaya. Menurut pengkaji, pada Awal Abad Ke-19, jumlah takhta di dunia ini ada lebih dari 900 buah takhta. Tetapi bilangan itu berkurang kepada 240 buah sahaja, dan pada Abad Ke-20 sampai ke hari ini, jumlah itu cuma tinggal 40 buah takhta sahaja.

Di sinilah kehebatan raja dan keunggulan ulama, tegas Yang Berhormat, bahawa sejarah telah memahat terdapat raja-raja yang hebat yang kaya dengan iman dan takwa, mereka itu adalah amat menghargai nasihat malah tamak kepada nasihat. Contoh lain, sekali lagi kita menyebut Khalifah Umar bin Abdul Aziz, baginda ini dalam hayatnya pernah mempunyai 10 orang penasihat, salah seorang daripadanya berstatus ulama dan kebetulan juga namanya ialah Umar bin Muhajir.

“Ah inilah ulama, inilah unik dan unggulnya ulama. Dalam apa pun keadaan, ingatan dan seluruh jiwa raganya tetap bulat kepada Allah semata-mata,” tegas Yang Berhormat lagi.

Keunikan dan keunggulan seperti inilah juga, turut dimiliki oleh tokoh yang sedang diseminarkan, Allahyarham Pehin Dato (Dr.) Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Allahyarham dalam hayatnya adalah seorang yang sangat terkenal tegas, sangat liat, berani dan sangat terkenal tidak pernah berdolak-dalik dalam

berfatwa, dalam mengeluarkan hukum dan menyampaikan nasihat.

Salah satu fatwanya yang dilihat paling berpengaruh dan berkesan ialah fatwa mengenai arak. Fatwa ini diterima baik oleh raja dan oleh seluruh orang-orang Islam, sehingga kerananya, raja telah mengambil sandaran daripadanya, menjadikan Brunei kini adalah bersih seratus peratus daripada arak. Arak telah tidak bernafas lagi di Brunei. Arak sudah tidak boleh diimport, arak sudah tidak boleh dibuat, arak sudah tidak boleh dijual beli dan malah, arak sudah tidak dihidang lagi di dalam penerbangan-penerbangan kita. Barangsiapa yang melanggarnya, kita akan tangkap dan ada peruntukan undang-undang menunggu mereka.

Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan menjunjung kasih ke hadapan majlis Raja Johor Darul Ta'zim yang telah bermurah hati meminjamkan tokoh ini kepada Brunei untuk menjadi mufti pertamanya. Marilah kita berdoa, semoga Allah mencurahkan rahmat-Nya ke atas roh Al-Marhum raja berkenaan. Adalah budi bicara dan inisiatif raja-raja Brunei dan Johor dalam proses peminjaman ini, menjadi bukti, betapa raja-raja kita itu adalah raja-raja yang kuat beragama dan sekali gus menghargai ulama.

Dengan bertindak bijak, tegas Yang Berhormat, menjadikan ulama sebagai duta istimewa untuk merapatkan lagi hubungan di antara dua rumpun bangsa yang bersaudara. Wawasan ini ternyata berjaya, apabila sehingga kini, Brunei Darussalam dan Johor Darul Ta'zim adalah tetap akrab.

KELUARGA BAHAGIA MASYARAKAT AMAN DAMAI

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.